

“APA saja kejadian adalah merupakan perkembangan. Sementara jenis dan bentuk perkembangan itu pula, itulah yang memerlukan penilaian. Kadang-kadang ia berbentuk khusus dan terhad, seperti perkembangan di dalam negara sendiri, sementara kadang-kadang pula ia mencakup seluruh alam seagat ini.”
- Titah dalam Majlis Junjung Ziarah Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Eire pada 11 Zulkaedah 1424 Hijriah / 4 Januari 2004 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

“MAKA berpegang teguhlah dengan sunnahku dan sunnah khulafa Ar Rasyidin yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kepadanya.”
- (Riwayat Al-Imam Ibnu Daud).

Persekitaran ceria bantu perkembangan *Down Syndrome*

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac. - Kanak-kanak *Down Syndrome* menghendaki perbezaan keperluan intervensi, rawatan dan pemulihan dari seorang ke seorang mengikut situasi dan perkembangan masing-masing.

Seorang kanak-kanak *Down Syndrome* juga memerlukan belaian kasih sayang, perlindungan dan motivasi seperti kanak-kanak yang lain, yang mana mencurahkan kasih sayang dan menyediakan persekitaran yang menceriakan adalah asas utama yang dapat menjamin untuk membantu perkembangan kanak-kanak.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa merasmikan Hari 'Gembira Bersama Kami' sempena 'World Down Syndrome Day' 2013, berlangsung di Taman Jubli Perak, di sini.

Yang Berhormat berkata, menurut perangkaan dalam pangkalan data Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan pada tahun 2013 terdapat seramai 233 orang individu *Down Syndrome* yang berdaftar di pusat tersebut yang mana 126 adalah

yang berumur di bawah 18 tahun, sementara 107 adalah berumur 18 tahun ke atas.

“Saya juga sangat menghargai dan mengalu-alukan semangat keprihatinan dan bertanggungjawab dengan tertubuhnya Persatuan Sindrom Down dengan moto 'Membina Keupayaan Melalui Pembelajaran',” tambahnya.

Yang Berhormat juga berpendapat bahawa persatuan tersebut adalah berperanan sangat penting sebagai kumpulan penyokong utama (*support group*) yang dihasratkan semata-mata bagi membantu para individu *Down Syndrome* dan keluarga mereka dalam pelbagai aspek bagi membina keupayaan ahli-ahlinya melalui proses penjagaan, pembelajaran, latihan, perkongsian pengalaman antara sesama penjaga, ahli dan para profesional kesihatan yang terlibat dengan individu *Down Syndrome*.

Selain itu, katanya, terdapat juga pelbagai kaedah untuk mempromosi perkembangan kanak-kanak *Down Syndrome* yang mana di antara pendekatan yang boleh membantu perkembangan kanak-kanak tersebut mencapai kejayaan mengikut keupayaan dan potensinya melalui penjagaan kesihatan yang berkesan.

Ke muka 24

Sebanyak 606 soalan, cadangan dikemukakan sepanjang Permesyuaratan MMN

Laporan : Siti Zaleha Haji Jalil
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Sebanyak 606 soalan ataupun cadangan telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tidak termasuk Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis sepanjang Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan.

Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim berucap demikian pada mesyuarat yang berlangsung di Dewan MMN,

di sini.

Menurut pandangan Yang Berhormat, perbincangan dan perhatian serta pandangan mengenai langkah-langkah bagaimana memperkesakan pelaksanaan Peruntukan Tahunan di dewan ini sekurang-kurangnya akan dapat sedikit sebanyak memenuhi apa yang tersirat dalam kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan MMN ini.

Ke muka 24

Berkenan saksikan Perlawanan Bola Sepak di antara DPMM FC-Woodlands Wellington FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyaksikan perlawanan bola sepak antara Pasukan DPMM FC menentang Pasukan Woodlands Wellington FC.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac. - Pasukan Brunei DPMM FC berjaya menumpaskan pasukan Woodlands Wellington FC dalam Kejohanan Liga S di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sekali gus mencatatkan kemenangan kedua setakat ini.

Kemenangan tipis 1 - 0 tersebut sangat berharga buat pasukan tuan rumah untuk mengutip tiga mata sekali gus merubah kedudukannya dari tangga ke-9 melonjak ke tangga ke-5 menggantikan kedudukan pasukan Woodlands Wellington FC yang sebelum ini berada pada

tempat tersebut.

Malang bagi pasukan pelawat ini apabila harus turun satu anak tangga sekalipun berkongsi lapan mata dengan pasukan Brunei DPMM FC namun dipisahkan oleh perbezaan jaringan.

Berangkat menyaksikan perlawanan ke-5 pasukan Brunei DPMM FC ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Ke muka 23



ASEAN SUMMIT
2013

DI DALAM



Muka 4

PELANCARAN aplikasi untuk penyelam



Muka 6

PENCAPAIAN wanita meningkat dalam pelbagai bidang

Beri pendidikan, kesedaran kepada masyarakat pentingnya penjagaan buah pinggang

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya iua, membolehkan kita hadir di Majlis Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2013 bagi Negara Brunei Darussalam. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Tujuan Hari Buah Pinggang Sedunia disambut setiap tahun bukan sahaja di negara ini malahan di peringkat global dunia adalah untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya penjagaan buah pinggang dan juga menghindarkan daripada kesan-kesan yang memudaratkan akibat penyakit buah pinggang.

Seperti yang kita sedia maklum, penyakit buah pinggang telah melanda di peringkat global dan ianya semakin bertambah dari semasa ke semasa. Kebimbangan dan cabaran ini juga turut dirasai di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2012, adalah dianggarkan seramai 2,880 pesakit yang telah berdaftar di Pusat-pusat Dialisis dan Klinik-klinik Renal di negara ini yang menghadapi masalah buah pinggang. Dari jumlah tersebut, dianggarkan 2,500 orang adalah mereka yang dikategorikan menghadapi Penyakit Buah Pinggang Kronik, iaitu keadaan di mana fungsi buah pinggang telah berkurangan. Jumlah pesakit yang menghadapi Penyakit Buah Pinggang Kronik ini adalah kritikal dan membimbangkan kerana jika tidak dikawal sebahagian dari pesakit ini akan mengakibatkan Kegagalan Fungsi Buah Pinggang atau lebih dikenali 'End Stage Renal Disease' (ESRD).

Tema yang dipilih oleh Jabatan Perkhidmatan Renal untuk sambutan di negara ini ialah 'I Love My Kidneys' atau 'Saya Sayang Buah Pinggang Saya'. Tema ini adalah amat bertepatan untuk meningkatkan lagi kesedaran dan menyebarkan lagi kepada orang ramai tentang setiap individu seharusnya



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa berucap dalam Majlis Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2013 di Pusat Dialisis Rimba, Gadong.

bertanggungjawab dan komited untuk menjaga buah pinggang dengan baik. Dengan mengamalkan cara hidup sihat adalah salah satu kaedah yang sangat berkesan dalam kita memelihara supaya buah pinggang sentiasa dalam keadaan sihat. Kita perlu memperingati diri kita sendiri bahawa sekiranya kedua-dua buah pinggang rosak, ini bermakna ianya tidak berfungsi lagi dan mengakibatkan pelbagai risiko akan diterima dan sekali gus sudah tentunya menjejaskan keadaan kehidupan dan menjadi bebanan bukan sahaja kepada diri sendiri malahan kepada keluarga dan negara.

Apa yang difahami di peringkat awal mengalami kerosakan buah pinggang, ubatan-ubatan, intervensi rawatan dan khidmat nasihat yang diberikan oleh profesional kesihatan adalah satu proses yang melambatkan proses kerosakan tersebut. Walau bagaimanapun, jika

tidak mematuhi prosedur rawatan dan nasihat pegawai-pegawai kesihatan, maka kerosakan buah pinggang akan menjadi bertambah kronik dan tidak dapat diubah lagi. Ini akan mengakibatkan buah pinggang tidak akan berfungsi dan tidak ada pilihan yang lain untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan menjalani Terapi Penggantian Renal atau 'Renal Replacement Therapy' (RRT) bagi meneruskan kehidupan.

Terdapat dua kaedah Terapi Penggantian Renal (RRT) iaitu melalui rawatan dialisis di mana fungsi buah pinggang yang rosak diganti dengan buah pinggang tiruan yang dipanggil *dialyser* atau melalui rawatan Pemindahan Buah Pinggang di mana pesakit akan menerima buah pinggang dari penderma.

Sehingga bulan Februari tahun 2013, terdapat seramai 638 orang yang sedang menjalani Terapi Penggantian Renal di Negara Brunei Darussalam. Dari jumlah ini seramai 55 orang atau 86 peratus sedang menjalani rawatan dialisis jenis Hemodialisis dan 52 orang atau-lapan peratus sedang menjalani rawatan dialisis jenis Peritoneal Dialisis. Sementara yang selebihnya iaitu seramai 35 orang dari pesakit ini adalah mereka yang telah menjalani pemindahan buah pinggang.

Bila seseorang telah mengalami Kegagalan Fungsi Buah Pinggang atau ESRD, ia akan memberi impak bukan sahaja kepada individu itu sendiri, tetapi juga kepada keluarga mereka, masyarakat dan juga kerajaan dan negara. Antara kesan yang dialami oleh pesakit buah pinggang ialah ia menjejaskan aktiviti harian dan pekerjaan serta kualiti kehidupan pesakit di mana pesakit terpaksa menghabiskan masa beberapa jam setiap hari atau dua hari sekali bagi menjalani rawatan dialisis. Ada juga pesakit yang mengalami kesakitan atau rasa kurang sihat yang berpanjangan. Mereka juga perlu mengikuti pelbagai jenis diet iaitu tidak dapat makan pelbagai jenis makanan dan minuman kerana kerosakan buah pinggang ini.

Kos rawatan bagi setiap pesakit dialisis adalah sangat tinggi. Setiap tahun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan fasiliti, peralatan, ubat-ubatan dan barang guna habis (*konsumabel*) bagi rawatan dialisis dan pemindahan buah pinggang. Pada tahun 2011 - 2012, jumlah perbelanjaan yang telah digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Renal sahaja untuk pembelian ubat-ubatan dan barang guna habis bagi pesakit-pesakit renal adalah hampir \$9.5 juta. Ini adalah kerana kos bagi rawatan dialisis bagi seorang pesakit buah pinggang adalah di antara \$21,000.00 hingga \$40,000 bergantung kepada jenis Terapi Penggantian Renal yang diguna pakai.

Ke muka 4

Dari Sidang
Pengarang.

1 APRIL 2013 BERSAMAAN 1434 جمادى الأول 20

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA CERMIN IMEJ NEGARA

NEGARA Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa infrastruktur untuk pembangunan negara. Salah satunya ialah menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) yang ada sekarang. Kementerian Perhubungan di bawah Perancangan Strategik Kementerian Perhubungan telah melaksanakan beberapa strategi teras dan salah satu daripada projek tersebut ialah Projek LTAB. Projek ini termasuk dalam Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10.

Pembesaran LTAB ini akan dapat menampung bilangan penumpang yang semakin meningkat apatah lagi negara kitani menjadi pengerusi dan tuan rumah Persidangan ASEAN pada tahun ini. Dengan penak-taraf dan pembesaran LTAB diharap akan dapat memberi keselesaan dan kemudahan kepada para penumpang.

Apabila siap bangunan baru ini nanti, kemudahan bagi orang ramai akan ditingkatkan dengan penam-bahan ruang letak kereta sebanyak 600 petak pada ruang letak kereta P1 dan letak kereta P1 ini akan dapat digunakan bermula 1 April 2013.

Apa yang lebih menarik lagi ialah LTAB ini mempunyai surau yang bersebelahan dengan bangunan terminal dengan keluasan 700 meter persegi yang akan dapat menampung seramai 300 jemaah. Dalam hal ini jelas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam begitu komited dalam melaksanakan syiar Islam dalam setiap pembangunan negara. Walau sehebat manapun pembangunan yang dibuat tetapi tetap diterapkan dengan unsur-unsur keislaman.

Diharapkan dengan LTAB yang berwajah baru dan lebih moden serta canggih ini akan dapat membuka mata dunia terutamanya para pelancong yang memasuki negara ini dengan persepi awal mereka tentang negara ini sebaik sahaja melangkah kaki di LTAB.

Kita seharusnya berusaha untuk menjaga dan memelihara LTAB yang baru ini kerana jutaan ringgit sudah digunakan semata-mata untuk pelaksanaan projek ini. Apatah lagi jumlah penumpang yang semakin bertambah dan juga jumlah muatan yang melalui LTAB ini tentunya menarik lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan untuk membuat per-nilangan ke negara ini. Rakyat dan juga penduduk di negara ini juga perlu merebut peluang yang ada kerana LTAB ini tentunya mewujudkan peluang pekerjaan dan juga perniagaan.

Kitani berharap kemudahan-kemudahan moden dan canggih yang sedang dan telah diungkayahkan di LTAB akan memberi manfaat kepada negara ini. Kitani perlu sedar LTAB ini merupakan tempat yang mendapat perhatian awal apabila memasuki negara ini, maka imej LTAB ini perlu kitani jaga sepanjang masa. Kitani tidak mahu negara ini akan dikenang orang luar sebagai tempat yang tidak memuaskan, tidak selesa dan sebagainya kerana layanan serta keadaan tempat yang tidak sistematik dan teratur. Tunjukkanlah perkara terbaik daripada kitani semua untuk orang dari negara luar.

Penglibatan semua rakyat dan penduduk di negara ini perlu untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Negara Brunei Darussalam mampu memberikan layanan terbaik kepada setiap pelancong yang datang bertandang ke negara ini. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor
Haji Ahmad Haji Salim,

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Hajah Norpisah Md. Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujinawati Mejeri,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatrail Hazmi Abd. Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Raman Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31°C	25°C	31°C
MUARA		
32°C	25°C	32°C
PEKAN BANGAR		
31°C	24°C	31°C
PEKAN TUTONG		
32°C	24°C	32°C
PEKAN SERIA		
32°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
33°C	25°C	33°C
Wahatua Binasawab		
33°C	25°C	33°C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

**PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

SMPAPHM juara Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik

Oleh : Nooratini Haji Abas & Po Yih Kim @ Anjelin Po
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM), Perpindahan Lambak Kanan muncul juara Pertandingan Akhir Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-20 Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 Tahun 2013.

Sementara itu, Pasukan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (Maktab SOAS), Bandar Seri Begawan dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) masing-masing menyandang naib juara dan tempat ketiga dalam pertandingan tersebut.

Berangkat menyaksikan Pertandingan Akhir Koir Lagu-Lagu Patriotik yang berlangsung di auditorium MSPSBS ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga menyertai pertandingan itu ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin, selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim.

Dengan tajuk lagu 'Bahagia Brunei Darussalam' juara pertandingan yang memperolehi markah sebanyak 84.33 peratus menerima hadiah wang tunai BND1,000; manakala naib juara dengan lagu 'Merdeka Brunei Darussalam' menerima wang tunai sebanyak BND800 dan tempat ketiga dengan lagu 'Brunei Bumi Bertuah' menerima BND600.

Selain wang tunai, ketiga-tiga pasukan juga membawa pulang piala iringan dan sijil yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Pengetua MSPSBS, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad, selaku Pengerusi Bersama pertandingan dalam ucapannya berkata, pendedahan pertandingan koir bertemakan lagu-lagu patriotik adalah sebagai wadah dan medium yang berkesan dalam usaha menyuntik semangat cintakan tanah air dalam kalangan generasi belia.

Ini juga, menurutnya, supaya mereka dapat mengukuhkan jati diri selaku rakyat Brunei yang berdisiplin, kebolehpercayaan, komited, hormat-menghormati dan bertanggungjawab serta patriotik dalam mempertahankan dan mengamalkan warisan berharga agar elemen-elemen tersebut dapat dijadikan sebagai identiti Brunei.

"Usaha, komitmen dan semangat waja yang ditunjukkan mendapat ganjaran bukan sahaja berbentuk kemenangan bahkan juga ilmu, pengalaman dan paling penting sumbangan yang berharga kepada ibu bapa, sekolah dan negara yang tercinta," ujarnya.

Pertandingan yang dikendalikan oleh MSPSBS melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan itu juga diserikan dengan persembahan deklamasi sajak bertajuk 'Warisan' oleh pelajar-pelajar MSPSBS.



PASUKAN Koir MSPSBS juga turut disertai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (dua dari kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Akhir Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab Senegara Ke-20. Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.



JUARA ... Pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM), Perpindahan Lambak Kanan.

Semai rasa cinta kepada negara, bangsa

Oleh : Nooratini Haji Abas & Po Yih Kim @ Anjelin Po

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Pertandingan koir bertemakan 'Negeraku Brunei Darussalam' sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara tahun ini dapat dilihat sebagai penzahiran terhadap rasa cinta kepada negara, bangsa dan agama jika dihayati dan difahami kata-kata berkenaan dengan sedalam-dalamnya dan seterusnya dimanifestasikan dengan perbuatan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim menyatakan perkara tersebut pada Majlis Pertandingan Akhir Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-20 Tahun 2013 Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 yang disampaikan oleh wakil peribadinya, Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Menurutnya, koir itu bermaksud bernyanyi bersama-sama, manakala

patriotik pula bermakna bersifat patriot iaitu orang yang mencintai dan mempertahankan kedaulatan negaranya.

Katanya, semangat patriotik itu dapat dilihat daripada penghayatan lirik, ekspresi lagu-lagu patriotik, percambahan kreativiti dan persembahan yang ditunjukkan kepada setiap pasukan yang jelas memperlihatkan wujudnya perpaduan, sikap bekerjasama, semangat berpasukan, berdisiplin, meningkatkan nilai-nilai estetika dan setia kawan serta menunjukkan semangat cintakan negara yang amat tinggi.

Tujuan dan matlamat pertandingan yang diadakan di Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) itu, jelasnya adalah selari dengan misi dan kurikulum Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21), iaitu untuk memperoleh pendidikan yang menyeluruh serta mencapai potensi penuh bagi semua selain merupakan salah satu bidang kurikulum melalui bahagian kesenian dan kebudayaan.

"Hal ini juga selaras dengan kehendak negara yang ingin melahirkan belia yang berkemahiran, berkapasiti dan berpotensi diri yang dihasratkan untuk dibangunkan dan dikembangkan mengikut keperluan negara yang beridentitikan calak Brunei," jelasnya.

Manakala kombinasi format pertandingan itu, tambahnya, amat bertepatan dan relevan dengan tema Hari Kebangsaan 'Negeraku Brunei Darussalam' pada tahun ini kerana ia mempunyai tujuan dan matlamat yang signifikan serta memberi nilai tambah kepada jiwa dan minda setiap peserta khususnya para pelajar.

"Usaha ke arah ini adalah sangat digalakkan dan bertepatan dengan hasrat yang dibawakan oleh SPN21 di mana pendidikan ketatanegaraan dan kewarganegaraan adalah di antara bidang yang dititikberatkan sama ada secara merentas kurikulum sekolah atau di luar waktu kurikulum sekolah," ujarnya.

Cintakan negara, bangsa dan agama, katanya, adalah di antara nilai-nilai utama dalam SPN21 yang mesti ditanam ke dalam hati sanubari setiap pelajar demi memastikan maruah serta

kesejahteraan negara ini akan sentiasa terjaga dan terjamin selamanya.

Format pertandingan koir berunsurkan patriotik itu dihasratkan akan dapat mencetuskan dan membina semangat cintakan tanah air yang berterusan serta menerapkan nilai-nilai teras dan sikap pelajar yang yakin,

penyayang, prihatin, cintakan negara ini, berdaya saing sentiasa bersiap siaga melalui cabaran mental, spiritual dan fizikal yang kemudiannya dibentuk sebagai satu wadah didikan tatanegara yang bertanggungjawab, kasihkan agama, raja, bangsa dan negara.



SEBAHAGIAN penuntut yang hadir menyaksikan Pertandingan Akhir Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-20 Tahun 2013.

Pelancaran aplikasi untuk penyelam

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mac. - Para penggemar aktiviti menyelam dan pengguna iPad di negara ini kini boleh meneroka dalam air untuk mengetahui lokasi menyelam dengan pelancaran 'Discover Brunei: Diving app' bagi iPad.

Dengan memuat turun aplikasi 'Discover Brunei: Diving app' melalui iPad, para pengguna dan peminat menyelam akan berpeluang untuk mencari lokasi menyelam di negara ini dengan mudah.

Majlis Pelancaran 'Discover Brunei: Diving app' berlangsung di Pejabat iCentre di sini oleh Menteri Perin-

dustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga melancarkan bersama ialah Ketua Pegawai Eksekutif MeSixty, Keeran Janin; Pengurus Am Total E&P Borneo, Yves Grosjean dan Duta Besar Perancis ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jean Yves Berthaud.

Antara yang dimuatkan dalam aplikasi itu ialah maklumat yang terkini lokasi untuk menyelam yang berguna dan berfaedah bagi para penyelam serta maklumat perancangan melawat Negara Brunei Darussalam khas bagi mereka yang minat menyelam.

Juga antara lain dimuatkan termasuklah panduan, lokasi dan diskripsi lebih 25 kawasan terumbu karang dan bangkai kapal tenggelam, video yang eksklusif dan galeri foto yang

mempamerkan kawasan menyelam di negara ini.

Lokasi menyelam yang ada di negara ini mempunyai pelbagai perbezaan seperti tahap kedalaman air, jenis dan kawasan terumbu karang, pelbagai jenis ikan termasuk jenis-jenis ikan yu dan kawasan yang banyak penyu.

Dengan pelancaran aplikasi itu akan dapat meningkatkan minat pelancong luar negeri untuk berkunjung ke negara ini bagi meneroka perairan negara khasnya dengan kegiatan menyelam.

'Discover Brunei: Diving app' bagi iPad ditaja oleh Total E&P Borneo iaitu sebahagian dari program tanggungjawab sosial korporatnya untuk menyokong perniagaan tempatan dan bagi menyumbangkan pemuliharaan hidupan marin di negara ini. Juga menyokong sama ialah Penerbangan Diraja Brunei sebagai rakan penerbangan rasmi.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa melancarkan aplikasi 'Discover Brunei: Diving app' bagi iPad.

Sepakat perangi jenayah trans-nasional

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Haji Bahar
Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mac. - Mesyuarat Dua Hala Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan Pasukan Polis Singapura (PPS) yang sekian lama terjalin dihasratkan untuk memerangi jenayah dan merupakan bukti kesepakatan hubungan di semua peringkat kakitangan kedua pasukan.

Demikian ditegaskan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu pada Mesyuarat Dua Hala Ke-8 PDB dan PPS di Bangunan Padang Tembak PDB, Jalan Aman, di sini.

Mesyuarat berkenaan merupakan di bawah bidang kuasa Memorandum Persefahaman (MoU) yang diperba-



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu semasa berucap pada Mesyuarat Dua Hala Ke-8 Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Singapura.

harui pada tahun 2009 untuk memerangi jenayah trans-nasional dan menjalin kerjasama dalam bidang baru.

Turus hadir pada mesyuarat tersebut ialah Pesuruhjaya Pasukan Polis Singapura, Mr. Peter Ng Joo Hee.

Sejak menandatangani MoU pada

tahun 2006 antara kedua-dua pasukan katanya, hubungan kerja telah konsisten matang dan berkembang serta membolehkan kedua-dua pasukan untuk mencapai hasil yang baik.

Di bawah kerjasama tersebut telah memungkinkan untuk melaksanakan

cadangan yang dibuat dalam mesyuarat dua hala sebelumnya terutama dalam bidang pembangunan keupayaan pada peringkat operasi, yang mana ia dapat dilihat dalam pembangunan aktiviti latihan seperti Komponen Hijau, Hitam dan Biru.

Menurutnya, dalam usaha untuk meningkatkan pembinaan kapasiti, PDB akan terus menghantar kakitangan terutamanya dari Pusat Latihan Polis, Siasatan Jenayah bagi pelbagai latihan khusus, ini termasuk penghantaran pegawai kadet bagi menghadiri Kursus Asas Pegawai Kanan.

Yang Dimulikan menambah, pada tahun 2012 juga merupakan permulaan program pertukaran bagi kadet polis dari kedua-dua pasukan dalam usaha untuk membangunkan pemahaman orang dan budaya kedua-dua negara.

Sementara itu, acara sukan 'Inter-Forces Games' juga diadakan pada 28 hingga 29 Mac dengan melibatkan kira-kira 150 atlet dari kedua pasukan PDB dan Pasukan Polis Singapura yang bertanding dalam perlawanan golf, bola sepak, badminton dan bola jaring wanita termasuk bola tampar lelaki dan lumba bot tradisional bertempat di Kompleks Sukan Air Serasa.

HALUAN

Beri pendidikan, kesedaran kepada masyarakat pentingnya penjagaan buah pinggang

Dari muka 2

Alhamdulillah, kita seharusnya bersyukur atas keprihatinan dan pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyediakan perkhidmatan dan fasiliti rawatan yang mudah diperolehi apatah lagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan kewangan berjuta-juta ringgit. Ini jelas mencerminkan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin dan mengambil berat tentang hal-ehwal kesihatan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini. Dalam pada itu, sebagai warga yang sentiasa bersyukur dan menghargai pelbagai kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darus-

salam, kita hendaklah bersama-sama bertanggungjawab bagi memastikan apa jua perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan tersebut dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya; nasihat doktor dan profesional kesihatan semestinya dipatuhi bagi menjaga kesihatan berpanjangan; elakkan dari pembaziran ubat-ubatan; dan sentiasa bekerjasama dalam memelihara serta menjaga peralatan dan persekitaran khususnya di hospital-hospital dan di pusat-pusat dialisis semata-mata bagi memudahkan rawatan serta keselesaan pesakit-pesakit.

Antara penyebab-penyebab utama Penyakit Buah Pinggang Kronik ialah penyakit diabetes dan penyakit tekanan darah tinggi. Di Negara Brunei Darussalam lebih dari 57 peratus kes kegagalan fungsi buah pinggang adalah disebabkan oleh penyakit diabetes, manakala lebih dari 21 peratus disebabkan oleh penyakit tekanan darah tinggi. Setiap tahun, jumlah penghidap penyakit diabetes juga semakin meningkat disebabkan cara hidup yang kurang sihat dan corak pemakanan yang tinggi dengan kandungan gula, garam,

lemak dan kolesterol. Masalah obesiti atau kegemukan adalah antara punca utama orang mengidap penyakit diabetes di negara ini. Paras gula di dalam darah yang sentiasa tinggi dan juga tekanan darah yang tinggi dan tidak terkawal boleh mengakibatkan buah pinggang cepat rosak dari jangka masa biasa. Jadi jika penyakit diabetes dan tekanan darah tidak dikawal dari peringkat awal, maka adalah lebih mudah untuk menerima risiko sehingga mengidap Penyakit Buah Pinggang Kronik.

Salah satu langkah pencegahan yang paling berkesan ialah dengan mengadakan pemeriksaan kesihatan yang awal dan secara berkala untuk mengetahui status kesihatan sebenarnya. Penyakit buah pinggang ini, seperti juga penyakit-penyakit kronik yang lain, jika dikesan dari awal akan dapat mencegah atau melambatkan ia dari menjadi bertambah kronik dan semakin teruk. Oleh yang demikian kita seharusnya sangat prihatin dan komited untuk mengawalinya kerana mencegah adalah lebih baik dari rawatan (*prevention is better than cure*).

Kementerian Kesihatan memandang serius masalah peningkatan penyakit buah pinggang kronik ini, dari itu langkah-langkah telah diambil oleh pihak-pihak berkenaan di bawah Kementerian Kesihatan seperti Jabatan Perkhidmatan Renal, Pusat Promosi Kesihatan, Unit Kardiologi, Unit Endokrinologi serta Klinik Diabetik bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran mengenai penyakit buah pinggang dan faktor

risiko kerosakan buah pinggang yang berpunca dari penyakit seperti diabetes, tekanan darah tinggi, penyakit jantung dan obes.

Sehubungan dengan ini, saya penuh percaya dan berkeyakinan setiap individu tidak mahu mengalami kejadian-kejadian penderitaan akibat risiko yang menjejaskan kesihatan dan bebanan ke atas penyakit-penyakit kronik dan tidak berjangkit tersebut. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama mengambil langkah-langkah pencegahan, pengawalan dan yang sangat mustahak mendisiplinkan diri sendiri, menasihatkan dan menyedarkan ahli keluarga dan masyarakat kita di negara ini dengan mengamalkan dan membudayakan cara hidup sihat setiap masa dan ketika. Ini adalah terbukti mengikut kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*evidence based*) bahawa majoriti penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit sebenarnya boleh kita hindarkan dan cegah, insya-Allah dengan mengubah sikap kita kepada yang lebih baik, iaitu dengan kita mengamalkan cara hidup sihat dengan mengambil pemakanan yang sihat dan seimbang yang termasuk kurang lemak, kurang gula, kurang garam, lebih banyak memakan sayur-sayuran dan buah-buahan, tidak merokok, tidak minum arak selain sentiasa mengamalkan kegiatan aktiviti fizikal yang bersesuaian dan kerap, sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari dalam tempoh sekurang-kurangnya lima kali seminggu. Walau bagaimanapun

kegiatan aktiviti fizikal haruslah mengikut kemampuan diri sendiri untuk melakukannya seharian.

Kaedah dan mengamalkan cara hidup sihat ini adalah wujud sekian lama dan sangat dituntut oleh agama Islam sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat, Imam An-Nasai, Ibnu Majah dan At-Tirmizi di mana Baginda bersabda:

"Tidak ada kantung yang dipenuhi oleh anak Adam yang lebih buruk dari perutnya. Cukupilah seorang anak Adam itu makan dengan kadar beberapa suap makanan untuk menegakkan tulang sulbinya. Jika tidak dapat dielak, maka jadikan satu per tiga (1/3) dari kantung perutnya untuk makanan, satu per tiga (1/3) lagi untuk minuman dan satu per tiga (1/3) lagi untuk pernafasan."

Akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak penganjur khususnya Jabatan Perkhidmatan Renal kerana berjaya mengunggayahkan Majlis Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2013 sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan perhatian orang awam di negara ini mengenai pentingnya penjagaan kesihatan buah pinggang dan bagi mengelak kondisi kegagalan fungsi dan kerosakannya. Semoga segala usaha dan sumbangan bakti biskita semua akan mendapat ganjaran dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita semua berdoa agar kita semua akan sentiasa berkeadaan sihat walafiat dan kesejahteraan.

Purata rakyat boleh berbahasa Arab masih di tahap rendah

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Di Negara Brunei Darussalam bahasa Arab telah diajarkan sejak sekian lama, manakala pengajarannya secara formal di institusi-institusi pendidikan khusus iaitu di sekolah-sekolah Arab telah bermula sejak tahun 1960-an lagi.

Namun demikian, purata rakyat yang boleh berbahasa Arab masih di tahap yang rendah.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan perkara tersebut dalam ucapannya yang dibacakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman selaku wakil Yang Berhormat pada Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pengajian Arab Negara Brunei Darussalam 2013, berlangsung di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Gadong, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, dalam hubungan ini, kita perlu terus membukakan peluang pembelajaran bahasa Arab memandangkan keutamaannya dalam Islam yang mana peranannya adalah sebagai landasan untuk kita lebih memahami, menghayati dan memantapkan amal ibadah yang dilakukan serta kepada perkembangan ilmu yang tiada ternilai.

Kita mengakui bahawa Al-Qur'an adalah panduan hidup manusia, namun demikian jelas Yang Berhormat, kita harus jujur mengakui realiti yang mana masih terdapat golongan yang bukan sedikit yang masih belum memahami isi kandungannya.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, usaha pihak UNISSA dalam memartabatkan bahasa Arab dan memperluaskan kesedaran terhadap pengajian bahasa berkenaan mencerminkan iltizam UNISSA ke arah mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Yang Berhormat menyeru kepada masyarakat khususnya pihak-pihak yang berkepentingan seperti tenaga akademik dan warga pendidikan serta pelajar untuk bergerak lebih proaktif dalam mempelajari dan mengajarkan bahasa Al-Qur'an yang juga bahasa zikir ini.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, mengimbas zaman kegemilangan Islam seharusnya mendorong kita kepada kemajuan dan kegemilangan.

Kemampuan yang terhad pada ketika ini katanya, sepatutnya dilihat sebagai sumber kekuatan untuk bertindak lebih inovatif dalam

membentuk jalinan rangkaian dan kerjasama yang praktikal bagi meningkatkan keberkesanan pengajian Arab.

Yang Berhormat berharap persidangan tersebut akan dapat mendekatkan lagi pengajian Arab di dalam masyarakat Brunei dan menghasilkan suatu pendekatan yang lebih efektif untuk diguna pakai dalam pengajaran demi memperkukuhkan pembelajaran pengajian Arab.



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan teks ucapan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Kebangsaan Pengajian Arab 2013 yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

UNISSA adakan Persidangan Kebangsaan Pengajian Arab 2013

Oleh : Dk. Vivvy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam mengadakan Persidangan Kebangsaan Pengajian Arab Negara Brunei Darussalam 2013 selama dua hari bertempat di Kampus UNISSA, Gadong, di sini.

Di majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat yang juga selaku wakil

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pada persidangan itu, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyempurnakan perasmian pembukaan persidangan yang diharapkan akan dapat mencapai matlamat bagi memasyarakatkan pengajian Arab di negara ini.

Ucuptama pembukaan rasmi persidangan dibentangkan oleh Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Dr. Haji Japar bin Haji Matdain@Maidin dengan tajuk pembentangan 'Tuntutan Pembelajaran Bahasa Arab Di Negara Brunei Darussalam'.

Persidangan kali ini membawakan tema 'Pelajarilah Bahasa Arab dan Ajarkannya Kepada Orang Ramai' merupakan salah satu inisiatif UNISSA melalui fakulti berkenaan dalam mengenal pasti pencapaian, kekurangan dan permasalahan yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian Arab di negara ini.

Persidangan Kebangsaan Pengajian Arab Negara Brunei Darussalam 2013 akan mengupas beberapa skop antaranya bagi mengupas keperluan pengajian Arab di Negara Brunei Darussalam; dan sistem pengukuran dan penilaian pengajaran Bahasa Arab di institusi pendidikan di negara ini.

Sebanyak 17 kertas kerja (termasuk ucpata) dibentangkan oleh wakil-wakil daripada agensi kerajaan yang terlibat dalam pengembangan, pengajaran dan pembelajaran pengajian Arab di negara ini akan diketengahkan pada persidangan itu.

Pengajaran Bahasa Arab di negara ini telah diajarkan semenjak kemasukan Islam dan terus mengalami perubahan sesuai dengan sistem pendidikan negara semasa.

Meskipun Negara Brunei Darussalam menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara dan Bahasa Arab mempunyai kepentingannya tersendiri, namun pengajaran Bahasa Arab masih terhad di beberapa institusi pendidikan formal dan informal.

Menyadari hal itu, fakulti berkenaan dalam melaksanakan salah satu misinya berusaha bagi memasyarakatkan pengajaran dan pembelajaran pengajian Arab di negara ini untuk membawa kembali kegemilangan tamadun Islam.

Pencerapan teliti boleh kurangkan bencana alam

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal
Haji Said



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2013.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Menurut Pertubuhan Kajicuaca Sedunia, dalam tempoh masa 30 tahun yang lalu, bencana alam telah mengorbankan lebih dua juta orang dan menyebabkan kerugian ekonomi dianggarkan lebih USD1.5 trilion.

Hampir 90 peratus daripada bencana dan 80 peratus daripada kerugian ekonomi adalah disebabkan oleh bahaya yang berkaitan dengan cuaca, iklim dan air seperti taufan tropika, ribut, panas melampau, kemarau, banjir atau berkaitan dengan wabak penyakit.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2013 bertempat di sebuah gedung membeli-belah di Gadong.

"Kita di Negara Brunei Darussalam juga pernah mengalami bencana alam yang mengorbankan jiwa. Namun kesan daripada kejadian bencana alam boleh dikurangkan melalui pencerapan yang teliti yang mana pemerhatian dan pelaksanaan sistem amaran awal boleh memberi peluang bagi tindakan menyelamatkan diri dan harta di waktu-waktu genting," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, perkhidmatan kaji cuaca memainkan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan perjalanan udara yang mana peranan ini adalah sangat kritikal khususnya ketika fasa kapal terbang sedang bertolak dan mendarat.

Perkhidmatan kaji cuaca, tambah Yang Berhormat, harus sentiasa peka dalam mengikuti secara dekat sebarang aktiviti klimatologi dan meteorologi dan penggunaan teknologi juga perlu ditekankan dalam memanfaatkan maklumat yang boleh diperolehi secara meluas dan segera melalui Brunei Weather Mobile App yang dilancarkan pada bulan November 2012 lalu.

Di majlis itu, Yang Berhormat turut mengumumkan bahawa Jabatan Kajicuaca akan beroperasi sepenuhnya bermula 1 April 2013.

Yang Berhormat berkata perancangan yang teliti dari segi operasi, pentadbiran dan pengurusan perlu dibuat yang mana Bahagian Kajicuaca harus memberi perhatian yang khusus dalam aspek perubahan organisasi, *business re-modelling*, penyediaan misi, visi dan nilai-nilai bagi menjalankan peranan jabatan baru itu nanti.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Perhubungan juga turut merasmikan Buku Manual Prosedur Kerja (MPK) – Pencerapan Kajicuaca Jilid Satu Edisi 2013 yang diterbitkan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerbangan Awam.

Pembukuan MPK tersebut adalah selaras dengan dasar Perkhidmatan Awam dengan objektif menjadikannya sebagai sumber rujukan asas kepada setiap warga Jabatan Kajicuaca dan juga sebagai bahan latihan kursus yang diberikan kepada kakitangan teknikal kaji cuaca yang baru berkhidmat.

Tetamu kehormat kemudiannya berkesempatan menyaksikan pesembahan slaid dan seterusnya menyaksikan pameran kaji cuaca.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menandatangani Buku Manual Prosedur Kerja (MPK) – Pencerapan Kajicuaca Jilid Satu Edisi 2013.



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman yang mewakili Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat.

Pencapaian wanita meningkat dalam pelbagai bidang

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Siti Zaleha Haji Jalil
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mac. - Pencapaian wanita negara merupakan hasil daripada usaha berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan didukung oleh sektor swasta serta masyarakat sivil.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti

Othman berucap demikian pada Seminar Wanita Hebat sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (HWA) 2013 bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Yang Mulia menjelaskan, perangkaan jumlah penduduk pada tahun 2011 menunjukkan bahawa wanita merangkumi 48 peratus daripada keseluruhan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, kadar literasi bagi keseluruhan negara telah meningkat kepada 96.7 peratus pada tahun 2011 dan bagi wanita telah mencapai 95.4 peratus dibandingkan dengan 91.5 peratus pada tahun 2001 dan hanya 8.3 peratus pada tahun 1947.

Dari segi pendidikan, jelas Yang Mulia, pelajar perempuan adalah setanding dengan pelajar lelaki dalam kadar kemasukan ke sekolah rendah, manakala pada peringkat pendidikan tinggi atau *tertiary education*, penuntut perempuan melebihi jumlah penuntut lelaki.

Di samping itu tambahnya, perangkaan graduan lepasan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 2011 telah menunjukkan jumlah graduan wanita adalah lebih dua kali ganda jumlah graduan lelaki manakala bagi jumlah keseluruhan graduan dari UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Teknologi Brunei (ITB) pada tahun yang sama menunjukkan seramai 65 peratus daripada keseluruhan graduan adalah terdiri daripada graduan wanita.

“Dari segi pekerjaan, 40.9 peratus daripada tenaga kerja di negara ini adalah terdiri daripada pekerja-pekerja wanita. Wanita merangkumi 51 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja awam yang mana mereka mengisikan 29 peratus daripada keseluruhan jawatan kanan dalam Bahagian I dan 60 peratus daripada keseluruhan jawatan di Bahagian II di sektor kerajaan. Wanita juga turut memainkan peranan penting kepada sektor perniagaan,” ujar Yang Mulia.

Terdahulu, Yang Mulia menyatakan,

sejak 1911, HWA diraikan seluruh dunia sebagai tanda penghargaan terhadap pencapaian dan kemajuan kesaksamaan *gender* tanpa mengira batasan kerakyatan, bangsa, bahasa, budaya, ekonomi mahupun politik.

“Tema tahun ini iaitu 'Agenda Gender: Mencapai Momentum' membawa makna yang begitu besar. Di samping mengiktiraf *progress* pencapaian yang membanggakan dalam menentengahkan agenda *gender*, tema ini juga mencerminkan kewujudan komitmen yang berterusan dalam meningkatkan usaha ke arah pembangunan dan perlindungan kaum wanita,” ujarnya.

Menurutnya, dalam kita berbangga dan meraikan kejayaan ini, kita juga sedih dengan hakikat bahawa kaum wanita merupakan golongan terbesar yang menjadi mangsa jenayah, penderaan, gejala sosial, kemiskinan dan kes perceraian.

Katanya, kesaksamaan *gender* wujud apabila kaum lelaki dan kaum wanita mempunyai peluang yang sama bagi merealisasikan hak asasi manusia mereka dan seterusnya membolehkan mereka untuk menyumbang kepada, dan mendapat manfaat daripada, pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan politik.

Yang Mulia menambah, dalam usaha berterusan negara kita untuk mengekalkan kesaksamaan *gender* dan menghapuskan sebarang jurang kemajuan yang wujud ke arah pencapaian pembangunan yang seimbang, kerjasama padu dan komitmen berterusan semua pihak yang berkepentingan, terutama sekali kaum wanita itu sendiri perlu dikekalkan dan malah diperkukuhkan.

Oleh itu, Yang Mulia mengambil



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman ketika berucap pada Seminar Wanita Hebat sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (HWA) 2013.

kesempatan menyeru semua peserta seminar mengambil iktibar dan pengajaran untuk menggilap potensi diri agar dapat memperbaiki sebarang kelemahan yang ada, mengatasi cabaran dan rintangan dan seterusnya memperkasa diri ke arah kecemerlangan.

Sudah setentunya jelasnya, untuk menjadi seorang wanita hebat lagi berwujud, kita hendaklah bersedia mengakui kelemahan yang ada dan berusaha untuk memperbaikinya serta sentiasa cekal dan tabah dalam mengharungi cabaran dan dugaan selain meningkatkan azam dan semangat untuk memperkasa diri ke tahap yang lebih baik.



SEBAHAGIAN peserta-peserta yang mengikuti seminar tersebut.

Pelajar berhasrat curah bakti untuk negara

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

WELLINGTON, NEW ZEALAND, Isnin, 25 Mac. - Pelajar-pelajar Brunei yang menuntut di New Zealand menempa sejarah apabila mereka berpeluang untuk bersemuka dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena keberangkatan Lawatan Negara baginda selama empat hari ke sini.

Peluang bersama raja yang dikasihi seumpama ini tentunya menjadi sejarah, kenangan dan ristaan sepanjang hayat apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Majlis Bersama Pelajar-Pelajar dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di New Zealand.

Rata-rata semua pelajar Brunei di New Zealand yang hadir dalam majlis ini menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas keprihatinan baginda bercemar duli dan meluangkan masa bersama mereka.

Ketika ditemui dalam majlis ini, Awang Mohamad Hafizudin bin Hami-

nudin, 24, yang mengikuti Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan tahun lima melahirkan harapan untuk terus melanjutkan pengajian ke bidang kepakaran dan berhasrat untuk menjadi seorang pakar kesihatan Kardiologi.

Anak pertama daripada dua orang adik-beradik yang berasal dari Kampung Penanjong ini bercita-cita untuk menjadi seorang Doktor Perubatan.

Sepanjang mengikuti pengajian beliau menyuarakan agar pelajar-pelajar diberikan dukungan dan bantuan berterusan daripada pihak yang berkaitan khususnya kepada pelajar tahun empat ke atas bagi mengelakkan keciciran.

Sementara Fiona Poh Wan Chieng, 22, yang mengambil jurusan Perubatan di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan juga berhasrat untuk melanjutkan pengajian di bidang kepakaran dan seterusnya menabur bakti kepada pihak kerajaan.

Berasal dari Kampung Kiulap, beliau berpendapat pelajar di New Zealand amat sesuai memandangkan ianya sebuah negara yang aman dan tenteram dengan suasana yang amat sesuai untuk belajar.

Dayang Nurulashikin binti Hamda-

ni, 21, yang mengikuti Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan di bawah biasiswa DANA selama enam tahun bermula 2011 hingga 2017 juga berhasrat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM bersama-sama dengan doktor-doktor Brunei yang berpengalaman.

Beliau yang berasal dari Kampung Kiulap ketika ditemui mencadangkan agar pelajar-pelajar Brunei yang menuntut di sini diberikan Kursus Bahasa Inggeris-New Zealand kerana baginya ia amat berbeza dengan Bahasa Inggeris-UK seperti yang telah mereka pelajari.

Anak kedua daripada empat orang adik-beradik, beliau tidak menghadapi masalah menuntut di sini kerana rakyat dan masyarakat New Zealand yang pelbagai ini sangat ramah dan baik.

Seorang lagi pelajar yang sempat ditemui, Awang Muhammad Nur Azwan bin Ariff, 21, berasal dari Kampung Saba Darat 'B' juga meluahkan hasrat untuk mencurah bakti kepada negara dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang sempurna dengan gigi yang sihat.

Sebagai anak kedua daripada tujuh orang adik-beradik, beliau yang mengambil Sarjana Muda Pembedahan Pergigian meminati bidang ini sejak Tingkatan 6 dan berpendapat ianya satu bidang yang unik dan menyeronokkan.

Majoriti pelajar Brunei di New Zealand ikuti Sains Kesihatan

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

WELLINGTON, NEW ZEALAND, Isnin, 25 Mac. - Majoriti pelajar Brunei yang menuntut di New Zealand mengikuti pengajian di bidang Sains Pendidikan di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan.

Pengarah Pengajian, Unit Ataci Pendidikan, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Canberra, Australia, Pengiran Ayub bin Pengiran Haji Othman yang memegang jawatan tersebut sejak 17 Mac 2007 ketika ditemui menjelaskan hampir keseluruhan pelajar yang berada di situ mengikuti pengajian di Universiti of Otago, Dunedin di bawah perjanjian Persefahaman antara Kementerian Pendidikan dan universiti berkenaan yang dimeterai pada tahun 1998.

Menurut perjanjian tersebut, universiti itu, jelasnya, bersetuju untuk memperuntukkan bilangan pelajar Brunei untuk mengikuti bidang Sains Kesihatan di bidang-bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Psikologi memandangkan ianya setanding dengan negara-negara yang terkenal dengan sistem pendidikannya yang diiktiraf di mata dunia seperti United Kingdom (UK), Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain.

Beliau yang pernah dilantik sebagai Pegawai Penyelaras Akademik di Unit Penuntut-Penuntut Brunei di UK bermula 1998



ATACI Pendidikan bagi Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Australia (Bahagian Pendidikan), Pengiran Ayub bin Pengiran Haji Othman.

hingga 2002 dan memegang jawatan Pengarah Pengajian di Unit Penuntut-Penuntut juga di UK sejak tahun 2002 hingga 2006 antaranya berperanan selaku Penasihat kepada Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei, di samping mengawal aktiviti pelajar selaras dengan kehendak kerajaan.

Apabila ditanya mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pelajar Brunei di New Zealand, beliau menjelaskan ianya antaranya ialah masalah penyesuaian kaedah pembelajaran yang mana mereka perlu melibatkan diri dalam kaedah belajar secara berkumpulan dan secara praktikal (*problem-based learning*), di samping penyesuaian perbezaan iklim cuaca dan pemakanan khusus bagi pelajar-pelajar baru.



AWANG Mohamad Hafizudin Haminudin ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.



DAYANG Fiona Poh Wan Cheing mahasiswi yang belajar di Universiti Otago, Dunedin, New Zealand.



DAYANG Nurulashikin Hamdani melanjutkan pelajaran di Universiti Otago, Dunedin selama enam tahun dalam Bachelor of Medicine and Surgery dan akan tamat pengajian pada tahun 2017.



PENERIMA biasiswa bagi Bachelor of Dental Surgery di Universiti Otago, Dunedin, Awang Muhammad Nur Azwan Ariff.

Perancangan penubuhan Akademi Bomba perlu dibuat kajian

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Md. Noor

BERAKAS, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyarankan, dengan usianya yang melebihi separuh abad, maka adalah berpatutan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengkaji semula perancangan bagi penubuhan Akademi Bomba.

Tujuannya kata Yang Berhormat, adalah jelas, JBP mempunyai keupayaan serta kapasiti melahirkan dan melatih semua peringkat pegawai dan anggotanya secara profesional, lebih-lebih lagi dalam menggunakan peralatan dan kelengkapan yang berteknologi tinggi.

“Ingat bahawa dalam menghadapi cabaran-cabaran yang lebih kompleks dan berisiko tinggi, kita perlu bersedia, sanggup dan berkebolehan, kita juga perlu berfikir positif, memandang ke masa hadapan yang lebih kompleks dan berisiko,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat membuat saranan itu ketika berucap pada Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-53 di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat, Perpindahan Lambak Kanan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, dalam hubungan ini dari semasa ke semasa JBP haruslah mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan sumber tenaga manusia dengan memberi peluang latihan-latihan kemahiran terutamanya yang berbentuk *specialised*.

“Ini akan dapat membuat pegawai dan anggota jabatan ini lebih *competent professional* berwibawa,

confident dan bersedia di dalam melaksanakan bidang masing-masing. Yang mustahak ialah untuk sentiasa menjadikan JBP berfungsi dengan lebih efisien dan cemerlang sekali gus menjadikannya institusi keselamatan dan pertahanan awam yang berwibawa dan setanding dengan agensi yang seumpamanya di luar negara,” tegas Yang Berhormat.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab JBP yang semakin kompleks dan mencabar ini terutama sekali dalam menyejajarkan dengan protokol dan piawaian JBP iaitu *best practice* yang diamalkan seperti yang ditetapkan pada peringkat antarabangsa, Yang Berhormat menyeru semua warga kerja JBP supaya akan terus memantapkan dan mempertingkatkan lagi *capability* jabatan itu mengikut peredaran masa melalui penjaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam meningkatkan lagi profesionalisme kebomgaan yang berkualiti, efisien dan efektif.

Mengikut statistik JBP, tambah Yang Berhormat, pada tahun 2012, sebanyak 108 panggilan iaitu 67 panggilan kebakaran rumah dan 41 panggilan kebakaran bangunan telah direkodkan, dengan anggaran kerugian lebih kurang empat juta, manakala anggaran harta benda yang dapat diselamatkan adalah lebih kurang 13 juta.

JBP, jelas Yang Berhormat, mendapati bahawa antara punca kebakaran yang dikenal pasti adalah akibat kelaianan seperti masakan yang ditinggalkan, peralatan dan pendawaian elektrik termasuk penggunaan elektrik yang berlebihan (*overload*), litar pintas, gas bocor dan sebagainya.

Dalam perkara ini, ujar Yang Berhormat, orang ramai perlu terus-menerus diingatkan dan JBP



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku tetamu kehormat menyampaikan ucapan.

perlu terus-menerus melaksanakan kempen kesedaran sambil memberikan orang ramai pendedahan kepada aspek-aspek mengelakkan api dan punca kebakaran.

“Orang ramai pula perlu bekerjasama bertanggungjawab dalam mengambil langkah-langkah keselamatan, dengan menitikberatkan pencegahan kebakaran, mempunyai peralatan keselamatan dan memadam kebakaran iaitu mematuhi peraturan-peraturan keselamatan kebakaran mengikut piawaian atau standard yang ditetapkan, serta perlu mempunyai pengetahuan dan latihan untuk tindakan awal sebelum bantuan pihak Bomba dan Penyelamat sampai,” tegas Yang Berhormat.

Pada majlis itu, Yang Berhormat dan para jemputan berkesempatan menyaksikan persembahan bertemakan 'Bomba Bersama Masyarakat' yang menggambarkan kebolehan, kemahiran serta kecekapan dari gabungan Kadet Bomba dan Penyelamat, Ahli Sukarelawan Bomba dan Fire Marshal dari pihak swasta dalam sama-sama berperanan menangani kecemasan yang bukan hanya untuk memadamkan kebakaran bahkan juga bagi tujuan menyelamatkan sebelum bantuan dari pihak Bomba dan Penyelamat tiba.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri daripada 90 pegawai dan anggota Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat juga menandatangani lembaran kenangan dan memotong kek sempena Hari Ulang Tahun JBP Ke-53.

JBP ditubuhkan pada tahun 1960 dan dikenali ketika itu sebagai Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Bomba.



YANG Berhormat semasa menyaksikan pameran sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-53.

SOASCIS jalin kerjasama akademik, penyelidikan

TUNGKU, Sabtu, 30 Mac. - Program Pengajian Islam di tiga buah universiti (di tangga teratas) di Jepun masing-masing bersetuju secara prinsip untuk bekerjasama dengan Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam dalam bidang kegiatan akademik, termasuk penyelidikan bersama dan pertukaran antara fakulti.

Perkara ini dipersetujui semasa lawatan wakil-wakil rasmi SOASCIS baru-baru ini dengan rakan-rakan di Universiti Doshisha, Universiti Sophia dan Universiti Tokyo.

SOASCIS diwakili oleh Penolong

Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) UBD, Profesor Madya Dr. Azman bin Ahmad dan Pengerusi Profesor dan Pengarah, Profesor Datuk Dr. Osman Bakar.

Dalam perbincangan itu Universiti Doshisha diwakili oleh Pengarah Pusat bagi Kajian Disiplin Agama-Agama Monoteistik (CISMOR), Profesor Katsuhiko Kohara dan Timbalan Pengarah, yang mengajar Teologi Islam dan Bahasa Arab di Universiti CISMOR, Profesor Samer Abdel Hamid I. Nouh.

Sementara itu, Universiti Sophia diwakili oleh Profesor Masatoshi Kisaichi, yang mengetuai Kawasan

Pengajian Islam Institut Budaya Asia yang juga seorang pakar Islam di Afrika Utara, terutamanya Maghribi.

Semasa di Universiti Tokyo, SOASCIS mengadakan perbincangan dengan Naib Pengarah Institut Pengajian Lanjutan di Asia, Profesor Yukio Ikemoto dan beberapa profesor lain dan pensyarah institut.

Sebelum itu, SOASCIS mengadakan perbincangan berasingan dengan Profesor Masashi Haneda, Naib Presiden Universiti (Hal Ehwal Antarabangsa) dan bekas Pengarah Institut, yang menyuarakan sokongan yang kuat untuk menandatangani MoU dengan SOASCIS.

Jejantas Pejalan Kaki Jalan Pusing Ulak Radial dirasmikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah merasmikan pembukaan Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Pusing Ulak Radial Road di Kampung Kiulap.

Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Pusing Ulak Radial Road adalah salah satu daripada tiga jejantas pejalan kaki yang dibina di bawah projek membina tiga buah jejantas di Negara Brunei Darussalam.

Ketiga-tiga jejantas pejalan kaki yang dibina dalam projek ini adalah Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Sengkuring, Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Jerudong dan Jejantas Pejalan Kaki di Pusing Ulak Radial Road.

Projek ini dilaksanakan sebagai kesinambungan bagi rancangan pembinaan jejantas pejalan kaki di negara ini khususnya di kawasan sekolah-sekolah kerajaan berdekatan dengan jalan-jalan utama bagi keselamatan dan keselesaan pengguna.

Jumlah harga kontrak ialah BND1,078,000, untuk tempoh 24 bulan yang dijalankan oleh kontraktor utama JYC Sdn. Bhd.

Projek tersebut bermula pada 30 Ogos 2011 dan dijangka siap pada 29 Ogos 2013.

Skop kerja adalah untuk melibatkan seorang juruukur berlesen untuk kerja-kerja kaji selidik, untuk melibatkan konsultan tersenarai di Kementerian Pembangunan untuk reka bentuk jambatan di beberapa lokasi iaitu di Jalan Sengkuring berhampiran Sekolah Rendah (SR) Sengkuring, di Jalan Jerudong berhampiran SR Jerudong dan merentasi Pusing Ulak Radial Road kawasan komersial di Kampung Kiulap.

Selain itu, skop kerja adalah bagi pembinaan jambatan pejalan kaki di tiga lokasi yang berbeza, penyediaan permukaan menggunakan *sand blasting* dan lukisan karya menggunakan *anti-corrosive paint*, menggunakan makmal bertauliah untuk menjalankan ujian diperlukan, membekal dan memasang sistem lampu untuk tiga jambatan pejalan kaki dan menyediakan pengiraan reka bentuk jambatan pejalan kaki.

Selepas merasmikan jambatan pejalan kaki di Pusing Ulak Radial Road, Yang Berhormat bersama-sama dengan Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah dan pegawai-pegawai kanan terus melawat ke Projek Pembinaan Jalan Susur Keliling Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong: Membekal &

Pemasangan Sistem Isyarat Lalulintas Di Pusing Keliling Kiarong.

Projek bagi Membekal & Pemasangan Sistem Isyarat Lalulintas Di Pusing Keliling Kiarong berjumlah BND310,012 di mana Jumin Perunding Marsal sebagai perunding dan dilaksanakan oleh Syarikat Saribun Sdn. Bhd. Projek bermula pada 19 September 2012 dan dijangka siap pada 18 Mac 2013.

Menteri Pembangunan kemudiannya melawat Projek Pembinaan Pautan Jalan Dan Jambatan Dari Airport Lama Ke Menglait (1.5 km), yang mana Yang Berhormat meninjau status pembinaan jambatan yang sedang dilaksanakan.

Jumlah harga kontrak ialah BND8,473,341 bagi tempoh 28 bulan yang dilaksanakan oleh PAHAYTC Sdn. Bhd. selaku kontraktor utama yang telah bermula pada 7 Julai 2010.

Objektif projek ialah menyediakan jalan laluan alternatif bagi memudahkan perjalanan antara kawasan Gadong dan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan sekali gus melicinkan peredaran trafik di persimpangan Jalan Kumbang Pasang dan Lebuhraya Sultan Hassanil Bolkiah yang sering berlaku kesesakan terutama pada waktu kesibukan

Yang Berhormat seterusnya melawat tapak projek Pelebaran Jalan Kumbang Pasang (berhadapan dengan bangunan baru Jabatan Perdana Menteri) dan Perubahan Signalized Junction kepada Pusing Keliling, B.S.B. dan terus merasmikan pusing keliling yang baru siap dibina berkenaan.

Jumlah harga kontrak ialah BND9,987,369 bagi tempoh 15 bulan yang dijalankan oleh kontraktor Pro-Builder Sdn. Bhd. Projek berkenaan bermula pada 2 Julai 2012 dan dijangka siap pada 1 Oktober 2013

Objektif projek ialah untuk melebarkan Jalan Kumbang Pasang dari lorong satu ke lorong berkembar.

Perubahan Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Menteri Besar untuk pembinaan pusing keliling.

Hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap (Teknikal & Profesional), Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran & Kewangan), Haji Muhammad Lutfi bin Abullah; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan.

Dengan termeterainya MoU dengan Universiti Kyoto selain usaha sama yang dicadangkan dengan Universiti Tokyo, Universiti Sophia dan Universiti Doshisha maka dalam tempoh beberapa bulan akan datang, SOASCIS akan mampu menjalin hubungan bermakna dengan empat universiti di tangga teratas di Jepun pada tahun-tahun akan datang.

Kerjasama ini meliputi bidang

pertukaran lawatan ilmiah yang luas selain pertukaran pelajar siswazah dan ahli fakulti, bahan-bahan saintifik, penerbitan dan maklumat, penyelidikan bersama dan seminar, persidangan, simposium dan bengkel.

Universiti Kyoto dan Universiti Sophia masing-masing dikenali mempunyai koleksi terbaik di Jepun bagi bahan-bahan yang diterbitkan di Asia Tenggara termasuk tulisan Jawi.

Karya seni lukis amat bernilai

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

MERAGANG, Isnin, 25 Mac. - Seni lukis dapat diangkat menjadi satu karya yang amat bernilai dan sangat menguntungkan, serta merupakan satu kaedah pembelajaran yang boleh memperkenalkan budaya bangsa negara kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkata, setiap individu mempunyai kemahiran dan cara yang berbeza untuk memperlihatkan kreativiti diri sendiri yang mana karya seni tersebut boleh membawa perubahan dari segi bagaimana individu itu boleh melihat perkara-perkara dalam

kehidupan, di samping dapat meningkatkan kesabaran dan kemahiran berkomunikasi dengan orang lain sama ada secara langsung atau tidak.

“Saya amat tertarik dengan perkembangan seni lukis di negara ini yang mana kita dapat menyaksikan bertambahnya pameran-pameran lukisan terutamanya di lokasi-lokasi awam seperti tempat-tempat perniagaan dan sebagainya. Apa yang nyata, pelukis-pelukis di negara ini memang sangat berbakat dan amat istimewa,” jelas Yang Mulia pada Majlis Pembukaan Rasmi Pameran Seni Lukis 'Art in Motion' Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM).

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, ujarinya,

adalah salah sebuah kementerian yang sentiasa mendukung perkembangan dan mengambil perhatian yang serius kepada industri kreatif di negara ini.

“Saya menyeru agar pelajar-pelajar serta pelukis-pelukis tempatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti karya masing-masing, berkaryalah dalam aspek ketulenan dan juga berkaryalah secara unik, holistik dan harmoni,” katanya.

Dalam mencari inspirasi ujarnya, para pelukis perlu melihat bukan hanya pada trend masa kini, tetapi juga merujuk kepada masa lalu yang mana pelukis-pelukis generasi muda khususnya yang mempunyai bakat harus belajar juga dari pelukis-pelukis veteran terutamanya dalam mencari idea dan mencorak kepelbagaian bagi menjadikan karya lebih mantap dan berkualiti.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman selaku tetamu kehormat semasa menyaksikan salah satu pameran senilukis : 'Art In Motion' (PTEM) 2013.

Pameran Seni Lukis 'Art In Motion' bertujuan untuk meningkatkan dan memperkembangkan kesedaran dan penghargaan orang ramai terhadap hasil seni lukisan tanah air.

Selain itu, ianya juga memperlihatkan karya-karya pelajar dari pelbagai bidang yang merangkumi seni visual, fotografi, videografi, grafik dan reka bentuk fesyen.

Sementara itu, Pengetua PTEM, Chong Li Chen dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan objektif pameran ini ialah antara lain meraikan kejayaan karya-karya pelukis muda PTEM, menyokong pembelajaran melalui seni serta mempamerkan bakat pelajar-pelajar dan kreativiti mereka melalui karya-karya seni.

Beliau seterusnya menambah, pameran seumpama ini

merupakan projek kali kedua yang dianjurkan bersempena ulang tahun ke-4 PTEM dan juga Earth Hour.

Tema 'Art In Motion' bertujuan memperlihatkan seni dan reka bentuk, bukan sahaja dalam konteks visual, tetapi juga melalui persepsi yang lebih luas merangkumi bunyi dan pergerakan, bersesuaian dengan temanya 'Art In Motion'.

Pelajar Brunei bersatu di bawah BSANZ

WELLINGTON, NEW ZEALAND, Isnin, 25 Mac. - Buat masa ini terdapat 86 pelajar Negara Brunei Darussalam yang berdaftar dan sedang menjalani sesi pengajian 2012/2013 di New Zealand.

Daripada jumlah tersebut, 57 orang pelajar biasiswa kerajaan adalah di bawah Kementerian Pendidikan, 23 orang pelajar di bawah skim DANA Sumber Manusia, dua pelajar di bawah Universiti Brunei Darussalam, seorang pegawai Latihan Dalam Perkhidmatan dan tiga pelajar persendirian.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Presiden Persatuan Pelajar-Pelajar Brunei di New Zealand, Sherwin See Choon Wee dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Bersama Pelajar-Pelajar dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di

New Zealand sempena keberangkatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Wellington, New Zealand.

Hampir kesemua pelajar yang berada di New Zealand, katanya, mengikuti pengajian mereka di Universiti Otago, Dunedin melalui Perjanjian Persefahaman antara Kementerian Pendidikan dan universiti berkenaan yang dimeterai pada tahun 1998.

Pada perjanjian tersebut, Universiti Otago, tambahannya bersetuju untuk memperuntukkan bilangan pelajar Brunei untuk mengikuti pengajian di universiti berkenaan dalam

bidang Sains Kesihatan yang menjurus kepada bidang Perubatan iaitu sebanyak lapan kuota, Pergigian lima kuota diikuti dengan Farmasi dan Psikologi masing-masing sebanyak dua kuota.

Selain itu, penuntut-penuntut Brunei di New Zealand juga, katanya, telah menubuhkan Persatuan Pelajar-Pelajar Brunei di New Zealand yang lebih dikenali sebagai BSANZ.

PADA perjanjian tersebut, Universiti Otago, tambahannya bersetuju untuk memperuntukkan bilangan pelajar Brunei untuk mengikuti pengajian di universiti berkenaan dalam bidang Sains Kesihatan yang menjurus kepada bidang Perubatan iaitu sebanyak lapan kuota, Pergigian lima kuota diikuti dengan Farmasi dan Psikologi masing-masing sebanyak dua kuota.

Oleh : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Di antara tujuan penubuhan BSANZ ialah untuk mengeratkan tali silaturahmi dalam kalangan pelajar-pelajar Brunei yang menuntut di New Zealand dengan mengadakan acara-acara kebangsaan, keagamaan, di samping aktif memperkenalkan Negara

Brunei Darussalam kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa terutamanya dari segi identiti kebruneian, keislaman dan Kerajaan Beraja di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

BSANZ dengan usaha sama Universiti Otago, katanya juga, telah berjaya menganjurkan beberapa acara seperti Pesta Makanan Antarabangsa selain terpilih sebagai persembahan terbaik dalam Malam Budaya Antarabangsa anjuran Jawatankuasa Kebudayaan Antarabangsa dan Universiti Otago berturut-turut pada tahun 2011 dan 2012.

Persatuan berkenaan, ujarinya, juga mengutip dana bagi mangsa gempa bumi di Jepun dan Christchurch.

“Abis Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga akan tetap teguh berpegang kepada ciri-ciri dan nilai diri sebagai rakyat Brunei bersendikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan bertekad untuk menjadi pelajar seperti yang Kebawah



PRESIDEN Persatuan Pelajar-Pelajar Brunei di New Zealand (BSANZ), Sherwin See Choon Wee menyebarkan, persembahan Brunei pernah terpilih sebagai terbaik pada Malam Budaya Antarabangsa masing-masing pada tahun 2011 dan 2012.

Duli Tuan Patik hasratkan iaitu ibarat lampu pelita yang menerangi kegelapan dan bukannya pelita yang mengeluarkan bidu hitam,” jelasnya dalam majlis yang berlangsung di Bilik Chancellor, James Cook Hotel Grand Chancellor pada sebelah petang hari pertama keberangkatan negara di sini.

TAP isytihar dividen 2.4 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mac. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa Lembaga TAP mengisytiharkan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 pada kadar 2.4 peratus.

Dividen pada Tahun Kewangan 2011-2012 itu telah pun dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli dan Penyata Kira-kira Ahli akan dikirim kepada setiap ahli.

Namun demikian, ahli-ahli yang berhasrat untuk memperolehi maklumat mengenai akaun mereka bolehlah berhubung secara bertulis melalui kiosk (“e-info TAP”) atau yang sudah berdaftar sebagai pengguna e-Amanah pula boleh menyemak jumlah simpanan mereka secara *online*.

Dengan kadar tersebut, sebanyak empat puluh juta, tiga puluh dua ribu, dua ratus dua ringgit dan empat sen (BND40,032,202.04) telah pun dimasukkan ke dalam 119,960 akaun ahli bagi Tahun Kewangan 2011-2012.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac.- Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah bergeran di Negara Brunei Darussalam supaya akan menjelaskan cukai tahunan tanah-tanah yang mereka miliki pada setiap tahun.

Mereka juga dikehendaki membayar tunggakan cukai

tahunan tanah dan tunggakan cukai tanah tahunan mereka jika ada.

Kegagalan untuk membayar cukai dan tunggakan cukai tanah tahunan mereka dalam tempoh yang telah diberikan, membolehkan Jabatan Tanah mengambil tindakan undang-undangan di bawah Bab 18 Kanun Tanah Penggal 40 di mana pihak kerajaan berhak

untuk merampas dan menjual mana-mana harta alih (movable property) yang ada di atas tanah mereka dan juga berhak untuk menjual dan mengambil balik tanah mereka.

Semua pemilik tanah di Negara Brunei Darussalam diminta untuk membayar cukai dan tunggakan cukai tahunan tanah-tanah mereka mengikut daerah di mana letaknya tanah masing-masing di Pejabat

Tanah Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Tanah Belait, Pejabat Tanah Tutong dan Pejabat Tanah Temburong pada waktu pembayaran yang telah ditetapkan pada hari Isnin hingga Khamis bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 3.00 petang, hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi manakala ditutup hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam.



PENGHANTARAN derma melalui SMS antara cara yang mudah bagi orang ramai membuat sumbangan derma kepada mereka yang memerlukan.

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

KEMISKINAN merupakan fenomena global termasuk dalam kalangan negara-negara maju. Kemiskinan di negara ini bukanlah pada tahap yang kronik tetapi rakyat masih mampu mengecapi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Walaupun bagaimanapun, bagi meneruskan kemudahan-kemudahan ini, kerajaan perlu terus mengamalkan dasar 'fiscal sustainability' iaitu mengurus kewangannya secara berhemat supaya ianya mampu dikecapi bukan saja oleh generasi sekarang malahan generasi yang akan datang.

Sejumlah Enam Ribu Satu Ratus Ribu Ringgit Brunei (BND6,100,000,000) ataupun BND6.1 bilion diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 dengan pertambahan sebanyak BND200 juta berbanding peruntukan bagi Tahun Kewangan 2012/2013.

Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata selain daripada bantuan ke atas keperluan asas di atas, bantuan kebajikan; elaun pendidikan; elaun sara hidup; serta bantuan bencana alam juga disediakan melalui beberapa program seperti Skim Perkhidmatan Masyarakat dan Program Perkasa di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Begitu juga dalam memantapkan lagi program-program pembasmian kemiskinan yang sedia ada, satu Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan telah ditubuhkan, yang bertujuan antara lainnya untuk mengenal pasti punca kemiskinan serta merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program-program secara bersepadu untuk membantu golongan miskin. Ianya juga dihasratkan untuk menyelaraskan semua program-program kemiskinan dan rangkaian keselamatan sosial supaya akan dapat memberikan kesan yang lebih baik dan terarah.

PENDIDIKAN BOLEH MENGUBAH NASIB

Untuk keluar dari kepompong

kemiskinan, pelbagai perkara perlu dititiberatkan terlebih dahulu. Salah satu daripadanya ialah meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan rakyat kerana pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai kemajuan. Dengan ilmu pengetahuan yang diperolehi akan memungkinkan seseorang individu ini berhasrat untuk mengubah nasibnya mahupun keluarganya dengan memanfaatkan ilmu yang ada.

Kerajaan Kebawah DYMM akan terus memberikan penekanan kepada perancangan perbelanjaan yang akan dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini. Ini termasuk dengan menghulurkan kemudahan-kemudahan dan keperluan asas seperti pendidikan secara percuma; perkhidmatan perubatan kesihatan yang berkualiti; pemberian subsidi bagi keperluan-keperluan asasi seperti beras, bekalan elektrik, minyak kenderaan, perumahan; dan sebagainya.

KEMISKINAN RELATIF

Seperti apa yang dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Majlis, kemiskinan yang terdapat di negara ini diistilahkan sebagai Kemiskinan relative dan bukannya Absolute Poverty. Penjelasan Yang Berhormat Pehin ini bermakna tahap kemiskinan yang ada di negara ini tidak seteru kemiskinan yang dihadapi di negara lain terutamanya negara-negara dunia ketiga.

Dalam satu kajian, purata pendapatan bagi 10 peratus isi rumah yang termiskin ialah BND994 (USD598.8) sebulan. Purata perbelanjaan isi rumah ialah BND 975 (USD587.3) sebulan atau BND33 (USD19.6) sehari.

Kemiskinan relatif lebih kepada jurang perbezaan dalam taraf kehidupan yang dialami seperti perbezaan dalam pendidikan, aktiviti ekonomi dan juga kesihatan. Kemiskinan yang ada di negara ini merujuk kepada kemiskinan kerana tiada sumber pendapatan kerana menganggur atau tidak ada kemahiran yang membo-

Negara mampu realisasikan kemiskinan sifar

lehkan seseorang individu itu untuk berdikari dengan kelebihan yang ada atau kerana mempunyai masalah ketidakupayaan fizikal dan penyakit-penyakit tertentu.

Di Negara Brunei Darussalam, walaupun jumlah kelompok miskin secara relatifnya adalah kecil, ia tidak dibiarkan begitu sahaja.

Jika ini puncanya maka tidak ada sebab untuk mengatakan negara kita mempunyai masalah kemiskinan. Perlu diingat tahap kemiskinan seperti ini dapat diperbaiki atau dibendung jika diberi peluang tertentu seperti tawaran pekerjaan. Apa yang penting semangat untuk memperbaiki taraf hidup perlu ada dalam diri individu yang terabit.

Ini dapat dilihat apabila rakyat serta penduduk di negara ini masih berpeluang untuk mendapat pendidikan, penjagaan kesihatan yang sempurna, perumahan, bekalan air dan letrik. Semua asas keperluan ini masih dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk yang dikategorikan dalam tahap miskin di negara ini.

USAHA KE ARAH KEMISKINAN SIFAR

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah Sempena Tahun Baru Hijrah 1430 juga ada mengenai kemiskinan di negara ini, "Kita juga akan terus bergerak untuk meningkatkan taraf hidup, sesuai dengan matlamat mencapai tahap kemiskinan sifar."

"Dari sudut agama, manakala terdapat keadaan yang menggalakkan, maka kemiskinan dikalangan umat Islam tidaklah sukar untuk diatasi. Pada hari ini kita bercakap mengenai hijrah, dan sekiranya umat Islam berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan, maka bermakna inilah hijrah yang paling bersejarah untuk mereka." titah baginda lagi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah juga menyatakan mengenai kemiskinan di Majlis Perasmian Projek Menyusur Kampung Tabung Amanah Pekerja Misalnya, yang antara lain menjelaskan Skim Bantuan Kewangan Mikro sebanyak BND3,000 di bawah program perkasa kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah diperkenalkan. Tujuan skim adalah bagi membolehkan rakyat negara ini yang kurang berkemampuan seperti ibu tunggal untuk memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan dan seterusnya mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.



PENYEDIAAN rumah-rumah bantuan kepada mereka yang kurang berkemampuan sering dibuat oleh pihak-pihak tertentu dan ini merupakan langkah bagi membebaskan sesebuah keluarga dari belenggu kemiskinan.

Bagi mengatasi masalah kemiskinan di negara ini, langkah-langkah telah diambil seperti kajian-kajian yang dijalankan untuk mengetahui punca masalah kemiskinan. Selain itu, pelbagai bentuk kemahiran dan pendidikan juga diberikan kepada kanak-kanak. Program berdikari, program perkasa termasuk program satu kampung satu produk bagi membantu mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau membantu balu-balunya yang tidak mempunyai sumber kewangan yang diharapkan. Dengan usaha-usaha seperti ini diharapkan mereka akan dapat berdikari dan menajana pendapatan sendiri ke arah kehidupan yang lebih baik.

Pembasmian kemiskinan telah lama diunggayahkan apabila Pencen Umur Tua telah diperkenalkan pada tahun 1954 sebagai satu jaminan rakyat serta penduduk di negara ini tidak akan termasuk dalam golongan miskin. Dalam perkara ini, kita harus bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kerana sikap pemedulian baginda dalam menangani hal ehwal rakyat baginda. Apatah lagi titah baginda yang menekankan pembasmian kemiskinan ke tahap sifar semasa pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan ke-4 Majlis Mesyuarat Negara pada 4 Mac 2008 mencerminkan kewibawaan seorang pemimpin yang begitu mengambil berat rakyat yang dipimpinnya dari segi kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II menjelaskan semasa mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bahawa jumlah penerima Pencen Umur Tua pada tahun Kewangan 2011/2012 adalah sebanyak 22,941 orang dengan jumlah pembayaran kira-kira \$66.8 juta. Dan kini

penerima meningkat kepada 24,482 orang iaitu 6.7%.

Penglibatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Urus Setia Program PROPAZ dan Pusat Pembangunan Belia boleh menjadi model kepada program intervensi pembasmian kemiskinan.

Sementara itu bantuan perumahan bagi yang memerlukan, sejumlah \$35 juta daripada asnaf zakat iaitu lebih baki wang zakat diperuntukkan bagi membantu asnaf-asnaf zakat yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat melalui Peruntukan Khas, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Jabatan-Jabatan Daerah melalui tabung khas jabatan. Seramai 153 orang telah dikenal pasti layak untuk menerima bantuan ini dan sebanyak 49 buah rumah telah siap dan diserahkan kepada penerima. Kementerian Pembangunan juga membuat projek skim rumah daif sebanyak 12 buah rumah dan dijangka siap pada tahun 2014.

Ini belum lagi termasuk usaha-usaha dan bantuan yang diberikan oleh sektor-sektor swasta dalam bersama-sama menangani kemiskinan yang ada di negara ini. Inilah sikap rakyat Negara Brunei Darussalam dari setiap lapisan yang *tidak camah mata* begitu membanggakan dan seharusnya menjadi contoh kepada generasi akan datang untuk sama-sama melakukan perkara-perkara yang berkebaikan untuk bangsa dan negara. Mudah-mudahan sikap pemedulian dan prihatin kalangan individu orang-orang Brunei akan berterusan hingga ke generasi akan datang sepanjang zaman.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita seharusnya berterima kasih kepada kerajaan Kebawah DYMM kerana keprihatinan baginda tetapi kita perlu berusaha untuk memperbaiki kehidupan masing-masing dan kikis sikap mengharap pertolongan orang lain.



TIDAK mengira sama ada dari pihak kerajaan mahupun swasta, bantuan sering dihulurkan kepada mereka yang memerlukan. Inilah sikap pemedulian dan tidak camah mata orang-orang Brunei yang mesti dikekalkan hingga ke generasi akan datang.

سرولك سوشي

بهيا كولوغن أنتي حديث

سكل فرتوتورن نبي قد حقيقتن مرفاكن وحيو درقد الله سبحانه وتعالى. دغن اين، جلسله كقد كيت مريك اين بوكله فحواغ القرآن يغ سينر، براف رامي اورغ مباح القرآن سدغ القرآن ملعتن دهاري آخيرة. سبب ابتله كيت دنتوت سفاي مباح القرآن دان منتدبتر معنا يغ إيغين دسميكن، فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة محمد آية ٢٤:

تفسيرون:
ستله دترغكن يندمكين، مك اداكه مريك سفهاج تيدق برأوسها مهمامي سرت ميكيورن ليسي القرآن؟ اتو تله اد داتس هاتي مريك كويجي فنوتوف يغ مهالفن درقد منريما أجارن القرآن؟.

دان بوكلكه كيت تله دنصيحني اوله رسول الله دغن سيدان:
فَقَلَّيْكُمْ يَسْتِي وَسَنَّةَ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ تَمَسْكُوا بِهَا
{ رواه الإمام أبي داود }

مقصودون:

ملك برفكغ تكوهله دغن سنهكو دان سنه خلفاء الراشدين يغ مندقة فتسوق، برفكغ تكوهله كقدان.

مسلمين يغ درحمي الله،
الله سبحانه وتعالى دالم القرآن عمرتتهكن أكر كيت اين طاعة فاتره كقد الله دان رسولن سرت أولى الأمر دكالغن أومة إسلام. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النساء آية ٥٩:

تفسيرون:

واهي اورغ ٢ يغ برلمان! طاعته كامو كقد الله دان طاعته كامو كقد رسول الله دان كقد أولى الأمر (اورغ) يغ بروكس) دري كالغن كامو.

منوروت إمام الطبري آية ترسيوت اداله فريته كقد أومة إسلام أكر برفكغ تكوه كقد القرآن دان السنة سرت فمريته يغ برلمان يغ سنتياس برأوسها اتوق مباحونكن أكام دان أومة إسلام كاره كاكوغن دان كاوغكونل أومه.

علماء تله سفاكة بهوا حديث اداله سومير فراوندانن كدوا سلفس القرآن. دان حك كيت تليتي كدودوقن حديث ترهاتف القرآن، ملك كيت اكن دافني دسان باقن فرانن يغ دملينكن أوله حديث، أنتاران:

فرتام: مغواتكن لاكي حكوم يغ تردافة ددالم القرآن سقرت حديث ٢ يغ مهوره سفاي مرفحاكن عبادة صلاة دان زكاة.

كدوا: منرغكن دغن ليه جلس حكوم ٢ ددالم القرآن، سباكي جنتوه القرآن هان مواجين سميهغ. منكلا جارا دان باكيما منديركن سميهغ داجر اوله رسول الله صلى الله عليه وسلم.

كيتك: حديث متناجكن حكوم يغ تيدق تردافة ددالم القرآن سقرت: حكوم رجم باكي فنزنا يغ مُحَصَّن، حكوم اين تيدق تردافة دالم القرآن بهكن لپان دترغكن سجارا ترقرلينجي اوله حديث.

دري ايت، تيدق اد ححه لاكي باكي كولوغن أنتي حديث اتوق مغاباينكن حديث دالم فرسوان أكام. حك مريك تروس برفكغ دغن فندافن مريك يغ ترسلويغ ايت، ملك بنرله سباكيما يغ دسيوت دالم القرآن دالم سورة الحج آية ٤٦:

تفسيرون:

ملك سسغكونن بوكله مات ايت يغ بوتا تئاني مات هاتي يغ اد ددالم دادا ابتوله يغ بوتا.

دان آخرون، ملالوي ميمر جمعة اين، ماريله كيت برسام ٢ برفكغ تكوه كقد فكفن أكام يغ تله دوايتكن اوله رسول الله صلى الله عليه وسلم دان فارا صحابة بكندا يغ تله دروموس اوله علماء سباكي فكفن أكام تولين يغ دفككيل أهل السنة والجماعة. كيت جوك دايتكن سفاي تيدق ترغفاروه دغن فميكران سكلينتر أومة إسلام يغ عفرتيكاي حكوم ٢ الله يغ تله دكاريسكن دالم القرآن دان السنة يغ تله دروموس اوله علماء مجاهدين دان فارا قَهَاءُ أهل السنة والجماعة.

تفسيرون:

دان هندقله اد انتارا كامو سكلوغن أومة يغ مهوره كقد كيجيقتن (كبايقتن)، دان مهوره ربوات يغ معروف سرت ملارغ درقد يغ منكر. دان مريك ابتله اورغ ٢ يغ برحاي.

حك كيت كمبالي كقد سجاره فركمباغن مشاركة إسلام، كولوغن عوارج اداله مرفاكن فواق فرتام دالم إسلام يغ جوبا عفرتيكاي حكوم ٢ إسلام سقرت رجم، فوتوغ تاغن يغ داغكف اوله مريك تيدق سسواي دغن أجارن إسلام. مريك منايكن حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ برلايكن دغن. والوباكيما فون، فميكران مريك تنتغ كفاهمن أكام إسلام تيدق دافة دترعا اوله أومة إسلام كيتك ايت، سهيفك مريك دفراشي اوله صحابة رسول الله. دان آخرون كولوغن اين ماسوق دالم ليقانن سجاره دان تيدق قرنه بغيتك لاكي، كجوالي ساكيماين يغ منمقلنكن ديري سجارا سدرهان تنفا موارثي ككراسن دان صفة ملمفاو قوم عوارج.

ستله أومة إسلام دكواساي اوله فتجاجة بارت، مونجول قول سكومفونل فتكاجي فرادابن دان نمادون تيمور يغ دسيوت orientalisme. مريك اين جوبا مغاوغكف سمولا فميكران حكوم كولوغن عوارج يغ أنتي حديث دان أنتي حكوم إسلام تراوتام يغ داغكف اوله مريك سباكي حكومن يغ تيدق مانسيواي دان أوندغ ٢ زمان فربا اتو باتو. مريك اين بوكن إسلام دان بكرجسام دغن فتجاجة بارت برأوسها اتوق مقنتيكن حكوم إسلام يغ برلاكو ددالم مشاركة إسلام دغن أوندغ ٢ بوتان مريك سنديري.

يغ سافة دسالي سكارغ اين، مونجولن كقرن لبراليسما (liberalisme) دان pluralisma دالم مشاركة إسلام يغ موارثي فميكران orientalisme، سهيفك سكل أوسها مورني أومة إسلام اتوق مرياليساين سمولا حكوم إسلام دالم كهيدوقن برنكارا ديواسا اين مفهادني ريتناغن كران مريك سجارا تيدق براتيكا مغلواركن فندافن مراكووي اتو منولق أوندغ ٢ إسلام يغ سوده سدبا دعملكن دزمان أول إسلام لاكي. مريك ساوله ٢ تيدق مفرجيجي دسيفلين علم إسلام يغ سوده منتف سحق برزمان دكميغ ماجوكن اوله علماء إسلام مفيكوت كفكاران ماسيغ ٢.

مسلمين يغ درحمي الله،

علماء أهل السنة والجماعة تله برسفاكة بهوا حكوم قصاص، خُدود دان تَغْزِير يغ تله درموسكن اوله علماء مُجاهدين (قَهَاء) اداله ترماسوق دالم أجارن أساسي إسلام يغ دسيوت: " اَلْمَعْلُومُ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ ". اوله يغ دمكين بارغشاي يغ مراكووي اتو منولق حكوم أَحْكَام ترسيوت، اورغ سقرت ايت دراكووي كلماننن دان فكفن أكامن اداله راقوه.

إين قُدَامَة رحمه الله دالم كتاب الْمُغْنَى ميانكن: " كواجيقتن مراحم فنزنا مُحَصَّن (فنزنا يفتله بركهوين دغن جارا يغ صح) بايك للاكي اتو فرمفوان اداله فتدافة سلوروه فارا علماء دري كالغن صحابة، تابعين دان علماء ٢ سلفسن دسلوروه نكري إسلام دان كامي تيدق مغتهوي اد خلاف اتو فريذدان فتدافة مغنلين كجوالي درقد قوم عوارج " .

أوله ايت، فندافن يغ مفرليكيه حكوم إسلام سدمينكن اداله كلورو، دان سام سكالتي تيدق برأساس. اي برجفكه دغن كفاهمن أهل السنة والجماعة يغ منلوكوغ كويباوان علماء سباكي فوارثي فارا أنبياء دالم مهمامي دان منتفسر آية ٢ دان حديث ٢ حكوم.

ترليه ٢ لاكي حك اد اورغيف مولا ميمفكيكن سمولا فميكران عوارج يغ أنتي حديث، هان ماهو برفكغ كقد القرآن سهاج. دان آية القرآن ايت قول دفهامي مفيكوت هوا نفسون تنفا مرجوع كقد دسيفلين علم القرآن يغ تله دروموس اوله علماء تفسير. سنتتون مريك ايت فرلو برتوبه دان كمبالي كفككل جالان مفيكوت أجوان كفاهمن إسلام يغ سينر.

سكيران مريك بنر ٢ برالترام دغن القرآن سباكيما يغ دلاوغ ٢ كن، سقاتوتن مريك له اورغ فرتام يغ مفرتاينكن حديث درقد دفرمين ٢ كن، تيدفكه مريك مباح آية ٣-٤ دري سورة النجم سباكيما فرمان الله سبحانه وتعالى:

تفسيرون:

دان اي تيدق مفركاكنن سسوات يغ برهوبوغ دغن أكام إسلام منوروت كماهوان دان فتدافن سنديري. سكل يغ دفركاكنن ايت سماء القرآن اتو حديث تيدق لاین هان وحيو يغ دوحيوكن كقدان.

واهي قوم مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت سام ٢ منيفككنن كفقوان دان كلمانن كقد الله سبحانه وتعالى دغن مفرجاكن سكل فريتهن دان منيفككنن سكل لاراغنن. سموك كيت سموا منجادي همبا الله يغ سنتياس مندافة توفيق دان هدايه الله سبحانه وتعالى دالم منجالي كهيدوقن ددنيا يغ فناء اين دان مفرأوليبي كيهكيان داخيرة نني سباكي قفهوني شرك أنكره الله سبحانه وتعالى بغمها مقاسيها.

مسلمين يغ درحمي الله،

الحمدلله، تيدق دراكوكن لاكي بهوا نكارا بروني دارالسلام اداله سواه " نكارا ذِكر " يغ تله لام مفعملكن أكام إسلام يغ برفنلوكن كقد القرآن دان السنة مفيكوت كفاهمن أهل السنة والجماعة. عقيدة، شريعة دان أخلاق أومه سنتياس دقلهارا أكر سلاري دغن فرينسيف ٢ يغ تركندوغ ددالم كاكاسن ترسيوت.

والوباكيما فون، تيته كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام بارو ٢ اين دالم مجلس برسام فلاجر ٢ دان رعية نكارا بروني دارالسلام دنيزيلان (New Zealand) ميدركن كيت أكر برهاتي ٢ ترهادف فاكر فروسق، فاكر يغ تيدق ميمتو نكارا سباليقن هان ميمينكن نكارا. فاكر ٢ يغ دمقصودكن بكندا ترماسوقله فاكر فيهر دان فمباوا أجارن ٢ ساله، فاكر فنوليسن يغ منوليس حال ٢ يغ برنتناغن دغن شريعة سقرت بوين باكوس ميبلا القرآن تئاني منولق حديث، برجاكف مغاوغكن أوندغ ٢ تئاني يغ ترسيوت اتو ترسورة اداله مرندة ٢ كن أوندغ ٢ الله سبحانه وتعالى سقرت منوجان سباكي كولوت دان ساومفان.

قد هاري اين، سوده وجود فيهي يغ منولق برفكغ كقد حديث، كران دغن كحمايلن مريك، ملك مريك مندعوا وجودن حديث يغ برنتناغن دغن القرآن سدغكن حال ايت سافة مستحيل برلاكو حك حديث ايت صحيح.

مريك منجتهوهكن حكوم رجم يغ دروايتكن دالم حديث ٢ يغ صحيح سقرت حديث يغ دروايتكن اوله إمام البخاري دان مسلم، دري أبو هريرة رضی الله عنه اي بركات بهوا:

" سئورغ للاكي تله داتغ منموي رسول الله صلى الله عليه وسلم سماس بكندا براد ددالم مسجد لالو بلباو مفكيل رسول الله سرايا بركات: وهي رسول الله سسغكونن اكو تله ملاكوكن فربواتن زنا، ملك رسول الله برقالغ دفرندان سهيفك داولغ ففاكوكنن سباكي أمقة كالي. ملك افيل للاكي بركتان تله بمبوات ففاكوكن كاتس ديرين سباكي أمقة كالي رسول الله صلى الله عليه وسلم فون مفكيلن لالو برسبدا: اداكه أشكو كيلا؟ جواب للاكي ايت: تيدق. ني برسبدا لاكي: اداكه أشكو تله كهوين؟ جواب للاكي ايت: يا! ملك ني برسبدا: بالواله دي دان جانكنن حكوم رجم.

باكي كولوغن أنتي حديث اين، حديث سقرت اين هاروس دتولق كران اي كونونن برنتناغن دغن القرآن يغ هان منجاوتوهكن حكوم سبت سراتوس كالي كقد اورغيف برزنا، سباكيما فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النور آية ٢:

تفسيرون:

فرمفوان دان لاكي ٢ (يغ بلوم بركهوين) برزنا ملك سبتله تيف سئورغ درقد كدوان سراتوس كالي سين ...

حجه ٢ ساومفان اين سهيفك منولق حديث صحيح داتس اداله مرفاكن حاصيل دري فميكران ٢ سوغسغ يغ دديركن اتس هوا نفسو، تنفا أساس ٢ علم أكام يغ كوكوه دان جوبا عفرتيكاي كاوغكونل أوندغ ٢ إسلام يغ سوده فون منجادي ترس كفاهمن أومة إسلام سحق برزمان لاكي يابت برمولا دري زمان رسول الله صلى الله عليه وسلم دان فارا صحابة بكندا لاكي.

والحال، علماء تله إجماع بهوا يغ دمقصودكن دغن فنزنا فرمفوان دان فنزنا للاكي يغ دكناكن حكوم سبت سراتوس كالي ايت إباله خصوص اتوق فنزنا يغ بلوم كهوين. منكلا حكوم فنزنا يغ سوده بركهوين (مُحَصَّن) اداله رجم سمي ماتي سباكيما يغ دروايتكن دالم حديث ٢ صحيح سباكي ساتو فمبالسن كاتس فنزنا دان اي دترعا اوله كسموا اورغ إسلام كجوالي كولوغن عوارج.

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU PERTAMA 1 APRIL 2013

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	1ST EMPORIUM & SUPERMARKET	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	JAYA HYPERMARKET	SIN KIM HUAT (KULAP)	SIN KIM HUAT (TUTONG)	TEGUH RAYA	ORBIT SUPERMARKET
1	Condensed Milk (Susu Manis Pakat)									
	F&N	380 g	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.10	\$1.00	\$0.99
	Milkmaid	388 g	\$1.10	\$1.25	\$1.25	\$1.15	\$1.10	\$1.15	\$1.15	\$1.15
	Teapot	388 g	-	-	\$1.20	-	\$1.25	-	\$1.25	-
2	Evaporated Milk (Susu Cair)									
	Cow Bell	400 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.10	\$1.05	\$1.05
	F&N	400 g	\$1.15	\$1.05	\$1.15	\$1.15	\$1.25	\$1.20	\$1.15	\$1.20
	Ideal	405 g	\$1.60	\$1.60	\$1.65	\$1.59	\$1.59	\$1.60	\$1.55	\$1.50
3	Flour (Tepung)									
	Prima Plain	1 kg	\$2.20	\$2.45	\$2.45	\$2.09	\$2.09	\$2.20	\$2.20	\$2.20
	Green SP Interflour	1 kg	\$1.60	\$1.55	\$1.55	\$1.60	\$1.55	-	\$1.55	\$1.00
4	Butter/Margarine									
	Golden Churn	340 g	\$2.95	\$2.75	\$2.75	\$2.90	-	-	-	-
	QBB	454 g	\$6.80	-	\$6.90	-	\$6.90	-	\$6.30	-
	Plania Margarine	480 g	\$3.60	\$3.60	\$3.30	\$3.50	\$3.60	\$3.50	\$3.50	\$3.70
5	Instant Noodles									
	Maggi Curry	80g x 5	\$1.70	\$1.75	\$1.95	\$1.69	\$1.69	\$1.80	\$1.65	\$1.69
	Maggi Ayam	80g x 5	\$1.70	\$1.75	\$1.95	\$1.69	\$1.69	\$1.70	\$1.65	\$1.69
	Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.00	\$2.00	\$2.00
	Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.90	\$1.90	\$1.90	\$1.90	\$1.85	\$1.75	\$1.90	\$1.85
	Indo Mlie Mee Goreng	80g x 5	\$1.50	\$1.45	\$1.40	\$1.35	\$1.29	\$1.40	\$1.35	\$1.30
6	Dried Noodles									
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	\$0.50	\$0.60	\$0.55	\$0.45	\$0.45	\$0.50	\$0.50	\$0.45
	Cap Udag MBS - Medium Flat Sabah	400 g	\$1.80	\$1.90	\$1.90	\$1.65	\$1.70	\$1.80	\$1.70	\$1.70
	Cap Lima Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.20	\$1.20	\$0.99	\$0.99	\$1.15	\$1.00	\$0.90
	Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.30	-	\$1.75	\$1.20	\$1.30	\$1.20	\$1.00	\$1.30
7	Fresh Chicken (Ayam Segar)									
	Whole Chicken (Bulet)	1 kg	\$4.50	\$4.50	\$4.20	\$4.19	-	\$4.39	\$4.20	\$4.80
	Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$6.00	\$6.20	\$6.20	\$6.90	\$4.49	\$4.49	\$6.20	\$5.90
	Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.80	\$3.90	\$3.90	\$5.99	\$3.49	\$3.39	\$3.90	\$3.90
	Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.60	\$7.90	\$7.90	\$7.59	\$7.49	\$7.30	\$7.80	\$6.90
8	Chicken Eggs (Telor Ayam)									
	1 Dozen (Size)	1 doz	\$2.40	\$2.10	\$2.10	\$2.90	-	\$2.30	\$2.20	\$2.20
	1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$6.20	\$6.10	\$6.10	\$5.90	\$5.99	\$6.20	\$5.80	\$6.20
9	Onions (Bawang)									
	Shallot (Bawang Merah)	1 kg	\$2.90	\$2.70	\$2.70	\$2.50	\$1.49	\$2.30	\$2.00	\$1.80
	Garlic (Bawang Putih)	1 kg	\$3.20	\$2.95	\$2.45	\$2.99	\$2.59	\$2.50	-	\$3.50
	Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	\$1.90	\$1.05	\$1.35	\$1.20	\$0.89	\$1.50	\$1.40	\$1.50
10	Cooking Oil (Minyak Masak)									
	Mazola Corn	3 kg	\$17.50	\$16.10	\$18.40	\$16.39	\$16.95	\$16.50	\$15.95	\$15.99
	Naturel Sunflower	3 kg	-	\$11.80	\$11.80	\$12.20	\$7.80	\$11.00	-	-
	Labour	2 kg	\$5.20	\$5.70	\$6.80	\$5.59	\$4.99	\$5.00	\$4.95	\$5.95
	Labour	5 kg	\$11.30	\$14.40	\$12.99	\$12.89	\$10.49	\$12.50	\$9.90	\$9.95
	Seri Mumi	2 kg	\$5.10	\$5.10	\$3.99	\$4.69	\$4.10	-	\$3.90	\$3.95
	Seri Mumi	5 kg	\$11.60	\$8.95	\$8.90	\$10.20	\$9.20	\$8.80	\$8.50	\$8.95
	Sunco	2 ltr	\$5.00	\$4.95	\$5.20	\$4.39	\$4.80	-	\$4.50	\$4.70
	Sunco	5 ltr	\$10.80	\$9.70	\$9.40	\$9.60	\$9.29	\$9.50	\$9.50	\$9.60
	Sania	2 ltr	\$3.95	\$3.85	\$4.25	-	\$3.80	-	\$3.80	\$3.95
	Sania	5 ltr	\$10.20	\$8.95	\$9.90	\$9.39	\$8.90	\$10.00	\$9.30	\$8.50
11	Milo (Malaysia)									
	Nestle Milo	1 kg	\$8.10	\$8.20	\$7.95	\$7.69	\$7.95	\$7.95	\$7.45	\$7.50
	Nestle Milo	1.5 kg	\$13.50	\$13.15	\$13.20	\$12.80	\$12.49	\$13.00	\$12.80	\$12.80
12	Cordial Syrups									
	F&N Sun Valley Grenadine	2 lit	\$4.80	\$5.00	\$5.00	-	\$4.60	\$4.60	\$4.70	-
	F&N Sun Valley Rose	2 lit	\$4.80	\$5.00	\$4.95	-	\$4.95	-	\$4.70	-
	F&N Sun Valley Sarsel	2 lit	\$4.80	\$5.00	\$5.00	-	\$4.60	-	\$4.70	-
	Ria Kordial Rose	2 lit	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.30	\$4.20	\$4.30	\$3.99
	Ria Kordial Sarsel	2 lit	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.30	\$4.20	\$4.30	\$3.99
	Rose Brand Rose Syrup Flavour	750 ml	\$3.85	\$3.90	\$3.80	\$3.50	-	-	\$3.60	\$3.50
13	Sauces (Sae)									
	Habhal Selly Soy Sauce (Cap Kipas Udag)	645 ml	\$3.70	\$3.18	\$3.40	\$3.15	\$3.20	\$3.30	\$3.30	\$3.20
	Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udag)	645 ml	\$3.25	\$3.20	\$3.50	\$3.30	\$3.09	-	\$3.40	\$3.20
	Maggi Chili Sauce	340 gm	\$1.10	\$1.20	\$1.10	\$1.05	\$1.09	\$1.15	\$1.10	-
	Maggi Tomato Ketchup	325 gm	\$1.05	\$1.15	\$1.05	\$0.99	\$0.99	\$1.10	\$1.00	-
	Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.10	\$2.30	\$2.30	\$1.99	\$1.99	\$2.10	\$2.10	\$2.20
	Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$1.70	\$1.80	\$1.90	\$1.69	\$1.75	\$1.80	\$1.75	\$1.80
14	Mayonnaise									
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	\$2.75	\$2.70	\$2.40	\$2.55	\$2.60	\$2.70	\$2.40	\$2.60
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	\$4.50	\$3.99	\$4.20	\$4.50	\$4.10	\$4.20	\$4.15	\$4.20

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	1ST EMPORIUM & SUPERMARKET	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	JAYA HYPERMARKET	SIN KIM HUAT (KULAP)	SIN KIM HUAT (TUTONG)	TEGUH RAYA	ORBIT SUPERMARKET
15	Infant Diapers									
	Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg)	NB 28	\$7.50	\$7.15	-	\$7.70	\$7.50	\$7.30	\$7.20	\$7.50
	Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.50	\$7.15	-	\$7.70	\$7.50	\$7.30	\$7.20	\$7.50
	Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.50	\$7.15	-	\$7.70	\$7.50	\$7.30	\$7.20	\$7.50
	Drypers Large (9-14 kg)	L 48	\$13.60	\$12.70	\$13.60	-	\$12.85	\$12.30	-	-
	Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 40	\$13.60	\$12.70	\$13.60	-	\$12.85	-	-	-
	Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.50	\$7.15	-	-	\$7.50	\$7.30	\$7.20	-
	Mamy Poko - Newborn (Up to 5 kg)	NB 28+2	\$8.90	\$8.45	-	-	-	\$10.50	\$12.20	\$8.80
	Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 48+2	\$16.90	\$16.95	\$16.80	\$15.60	-	\$16.30	-	\$14.90
	Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 44	\$16.90	\$16.95	\$16.80	\$15.60	-	\$16.30	\$16.20	-
	Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 56	\$16.90	\$16.95	-	-	-	-	-	-
	Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 50	\$16.90	\$16.95	-	-	-	-	-	-
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$16.95	\$16.95	\$16.80	\$15.60	-	\$16.30	\$16.80	\$15.90
	Sealer Newborn (Up to 5 kg)	NB 48	-	\$8.80	\$8.80	-	\$8.80	\$8.40	-	\$8.80
	Sealer Small (3-7 kg)	S 46	-	-	-	-	-	-	-	-
	Sealer Medium (6-11 kg)	M 42	-	\$12.70	\$13.20	-	-	-	-	-
	Sealer Large (9-14 kg)	L 48	-	\$12.70	-	-	-	-	\$14.90	-
	Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 42	-	\$12.90	\$14.80	-	\$15.20	-	\$14.90	-
	Sealer Sumo Extra Large (15kg above)	XXL 28	-	\$11.10	\$11.50	-	\$11.80	\$11.50	\$11.50	\$11.50
	EQ Dry- Newborn (Up to 5 kg)	NB 20/22	-	-	-	-	\$3.80	-	\$3.80	\$3.80
	EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	\$7.80	\$7.80	\$7.80	-	\$7.50	\$7.10	\$7.20	\$7.20
	EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	\$7.80	\$7.80	\$7.80	-	\$7.50	\$7.10	\$7.20	\$7.20
	EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	\$10.55	\$10.55	\$10.55	\$10.50	\$10.95	\$10.60	\$10.50	\$10.90
	EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	\$10.55	\$10.55	\$10.55	\$10.50	\$10.95	\$10.60	\$10.50	\$10.90
	EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$9.20	\$9.00	\$9.00	-	\$8.70	\$8.80	\$8.90	\$8.80
16	Frozen									
	BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.10	\$1.99	\$1.99	\$1.99	\$1.89	\$2.00	\$2.00	\$2.10
	Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.35	\$2.45	\$2.45	\$2.59	\$2.35	\$2.35	\$2.40	\$2.40
	BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	-	\$1.50	\$1.45	\$1.25	\$1.35	\$1.40	\$1.50
	BMC - Nuggets	1 kg	\$6.50	\$5.80	\$5.80	\$6.90	\$5.95	\$6.40	\$6.80	\$6.50
	Ayamas - Crispy Nuggets	1 kg	\$8.20	\$8.65	\$7.95	-	-	-	\$8.50	\$8.50
	FARMS Best Chicken Nuggets	1 kg	\$5.60	\$5.40	\$4.80	-	-	-	\$5.60	-
	BMC - Chicken Burger	900 g	\$7.20	\$7.30	\$7.30	\$7.30	\$6.25	\$6.40	\$6.80	\$6.90
	PDS - Chicken Burger	900 g	-	-	-	-	-	-	-	-
	BMC - Beef Burger	900 g	\$6.80	\$6.95	\$6.95	\$6.30	\$6.25	\$6.30	\$6.50	\$6.50
	PDS - Beef Burger	900 g	\$6.95	\$7.20	\$7.20	\$7.60	\$6.30	-	-	\$5.30
17	Canned Preserved Food									
	Yeo's Chicken Curry	145 g	\$1.50	\$1.50	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.45	\$1.45	\$1.50
	Rex Chicken Curry	160 g	\$1.60	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.30	\$1.40	\$1.60
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall	230 g	\$2.00	\$2.15	\$2.10	\$2.05	\$1.95	\$2.00	\$2.10	\$2.20
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval	215 g	\$2.10	\$2.05	\$2.10	\$1.99	\$1.99	\$2.10	\$2.10	\$2.10
	Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili	40 g	\$1.10	\$1.05	\$1.10	\$0.95	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.00
	Smiling Fish Crispy Baby Clam	30 g	\$1.15	\$1.05	\$1.05	\$1.15	\$1.00	\$1.10	\$1.15	\$1.20
	Kara Natural Coconut Extract	200 ml	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$1.00	-	-	-	\$1.00
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet	200 ml	-	\$1.10	\$1.10	\$0.95	-	\$1.20	-	\$1.10
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin	270 ml	\$1.70	\$1.85	\$2.30	\$1.65	\$1.70	\$1.65	\$1.80	\$1.75
	Chakolah Coconut Milk Gata	400 ml	\$1.50	\$1.70	\$1.55	\$1.45	\$1.49	-	\$1.45	\$1.55
	Babu Kitchen Coconut Milk Indo	400 ml	\$1.60	\$1.70	\$1.70	\$1.55	\$1.49	\$1.60	\$1.55	\$1.55
18	Kaya Spread									
	Habhal's Cap Kipas Udag Sri Kaya	240 g	\$2.10	\$1.95	\$1.95	\$2.10	\$1.99	\$2.00	\$1.95	\$1.95
	Nona Kaya dengan telur Omega	180 g	\$1.20	\$1.20	\$1.25	-	\$1.20	-	\$1.15	\$1.30
	Play Basketball since 1965 S'pore	200 g	\$1.10	\$0.95	\$0.95	-	-	-	-	-
	Glory Myonya Kaya Coconut Jam	250 g	-	\$1.85	\$1.70	-	-	-	-	-
19	Detergents									
	Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru	2.5 kg	-	\$5.10	\$4.85	\$5.20	-	\$5.00	\$4.30	\$4.99
	DAIA Excellent Washing Powder	2.5 kg	\$5.90	\$6.15	\$6.20	\$5.99	\$6.50	\$5.90	\$5.90	\$6.50
	Dynamo Liquid Detergent	1 kg	\$3.70	\$3.50	\$3.80	-	\$3.70	-	\$3.65	-
	Breeze Liquid Detergent	2000 ml	-	\$6.10	\$5.70	-	\$6.20	-	\$5.80	\$5.95
	Clorox Liquid Bleach	1 lit	\$2.00	\$1.90	\$1.90	\$1.80	\$1.80	\$1.80	\$1.80	\$1.90
	Cocorex Liquid Bleach	1 lit	\$1.70	\$1.90	\$1.60	\$1.80	\$1.70	\$1.70	\$1.50	\$1.70

*

100 peserta tamat Bengkel Koreografi



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Koreografi 2013.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Bengkel Koreografi 2013 anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil, bertempat di Dewan Digadong, bangunan kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil-sijil kepada wakil-wakil peserta ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis juga diserikan dengan persembahan tarian ciptaan dari Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Kumpulan DKS Junior Dancers, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dan Kumpulan AJ Dancers.

Bengkel selama lima hari bermula 26 Mac hingga 30 Mac dibimbing oleh salah seorang pakar koreografi dari Universiti Sabah Malaysia, Suhaimi Magi itu melibatkan lebih 100 peserta terdiri daripada para belia, kumpulan, badan dan persatuan yang bergiat aktif dalam seni tari, guru-guru, koreografer serta penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah.

Koreografi atau rancangan tari berasal dari Bahasa Yunani *tari* dan *menulis* disebut juga sebagai komposisi tari merupakan seni membuat atau merancang struktur ataupun alur sehingga menjadi suatu pola gerakan-gerakan.

Istilah komposisi tari juga bererti navigasi atau koneksi atas struktur pergerakan dan hasil atas suatu pola gerakan terstruktur itu disebut pula sebagai koreografi.

Antara tujuan bengkel tersebut ialah

untuk mengembangukan koreografi dan pendedahan seni tari dalam sama-sama menjaga keaslian serta khazanah yang telah lama tidak dipraktikkan secara rutin untuk generasi yang akan datang.

Selain itu, ia juga untuk membarigakan kesenian melalui tarian-tarian etnik serumpun yang terdapat di Negara Brunei Darussalam khususnya tujuh puak etnik (puak Melayu Brunei, puak Melayu Tutong, puak Kedayan, puak Belait, puak Murut, puak Bisaya dan puak Dusun) bagi memartabatkan keunikan tarian etnik dan tradisional kepada masyarakat umum.

Melalui bengkel ini diharap para peserta akan tampil dengan ciptaan-ciptaan tarian yang berkualiti dan dapat menambah koleksi seni tari tempatan agar ia terus berkembang.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap KKBS, Awang Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

DST Signature Store dibuka rasmi

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Haji Bahar
Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - DST Group Sendirian Berhad melakar satu lagi peristiwa penting dengan pembukaan rasmi cawangan barunya iaitu DST Signature Store bertempat di Airport Mall, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Bahrain bin Abdullah, selaku Pengerusi DST.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Suhaimi bin Awang Haji Hussain dalam ucapan alu-aluannya berkata, DST Signature Store adalah satu pencapaian penting perjalanan

penjenamaan DST yang bermula dengan memperbaharui identiti jenamanya yang kini lebih dikenali sebagai Simpurn Star.

Penjenamaan semula DST, jelasnya, bukan sahaja tentang jenama logo baru tetapi juga imej baru yang diwakili bagi mencapai kepimpinan dalam pasaran tempatan, kepimpinan dalam pembangunan ICT dan juga dalam mengasah bakat kepimpinan.

“Bagi menaik taraf rangkaian dan memperkenalkan teknologi baru, DST kini terus proaktif melabur terutama sekali dalam menaik taraf *front end services* (perkhidmatan hadapan) untuk memberikan pengalaman yang baik buat pelanggan kami,” tambahnya.

DST Store Signature, jelasnya, adalah kedai DST yang terbesar dan ia adalah satu manifestasi fizikal jenama DST baru yang merupakan satu

pendekatan bersepadu perkhidmatan DST kepada pelanggan-pelanggan dari perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar kepada pembayaran bil serta menyediakan satu persekitaran interaktif di mana para pelanggan mencuba produk-produk baru yang dijual.

Para pelanggan yang datang berkunjung dihiburkan dengan pengacara-pengacara Kristal FM secara langsung bermula dari hari Jumaat hingga hari Isnin iaitu empat hari dalam seminggu dari pukul 9.00 pagi hingga 5.30 petang.

Semua pelanggan DST dijemput hadir untuk menyertai 'Integrated Experience' yang mana pelbagai promosi eksklusif dan tawaran menarik diadakan di DST Signature Store.

Juga hadir pada majlis itu ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai serta kakitangan DST.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Bahrain bin Abdullah, selaku Pengerusi DST yang juga tetamu kehormat majlis ketika merasmikan cawangan baru DST Signature Store.

Ketengahkan hasil kerja tangan penghuni penjara

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Jabatan Penjara mengadakan Ekspo Jualan Produk Kraftangan, Pertanian dan Pameran Sempena Penubuhan Jabatan Penjara Ke-59 Tahun yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 1 April 2013.

Ekspo jualan dan pameran yang dikelolakan oleh Jabatan Penjara dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Kota Batu itu dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ekspo berkenaan antara lain bertujuan mengetengahkan dan memperlihatkan kepada masyarakat hasil kerja tangan penghuni-penghuni Penjara Lelaki dan Wanita dan seterusnya membuka peluang perniagaan kepada penduduk-penduduk kampung yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah

Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, ekspo tersebut sudah setentunya dapat membantu Jabatan Penjara dalam merealisasikan dan memperkasakan lagi program-program pemulihan terhadap penghuni-penghuni penjara dengan lebih berjaya terutama setelah mereka dibebaskan.

Dalam hubungan yang sama, jelasnya, Jabatan Penjara juga berharap ekspo seumpama ini akan dapat memberikan keyakinan serta mengubah minda masyarakat supaya akan dapat mendorong penerimaan dan penyerapan bekas penghuni kembali ke pangkuan masyarakat.

“Jabatan Penjara akan terus memberikan penekanan/penghayatan terhadap kepentingan aspek kerohanian, akhlak dan program latihan kemahiran vokasional yang dipercayai berkeupayaan mendorong para penghuni kepada perubahan, kesedaran dan minat mereka untuk berdikari dalam menempuh hidup di masa akan datang,” jelasnya.

Selain itu, tambahnya, Jabatan Penjara juga sentiasa berusaha menyediakan program khusus ke arah

mendorong para penghuni untuk terus berusaha dan berdikari dengan melibatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) yang berperanan sebagai pemudah cara kepada para penghuni dalam menerokai perniagaan melalui tunjuk cara atau taklimat yang berkaitan dengan persediaan dan keperluan sebelum memulakan perniagaan dan seumpamanya.

“Ke arah itu, sokongan moral dan kerjasama daripada masyarakat awam, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dan NGOs adalah terus diperlukan dalam konteks pemulihan dan pembentukan akhlak penghuni-penghuni agar pada satu hari nanti mereka akan menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan keluarga,” ujarinya.

Sebanyak 40 buah syarikat, orang-orang persendirian serta mukim-mukim dan kampung-kampung daripada keempat-empat daerah menyertai ekspo jualan dan pameran yang diadakan di kawasan Dermaga Diraja, di sini.

Sempena perasmian ekspo itu, Bahagian Perkhidmatan Simpanan

Ekspo, pameran evolusi perumahan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Bersempena dengan sambutan 60 tahun pelaksanaan Rancangan Perumahan Negara, satu ekspo dan pameran evolusi perumahan di Negara Brunei Darussalam dibukakan untuk kunjungan orang ramai selama lima hari bermula 1 hingga 5 April 2013 bertempat di Dewan 1, Pusat Pameran Pertahanan Antarabangsa (BRIDEX) Jerudong bermula pukul 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Ekspo ini disertai syarikat-syarikat dan agensi-agensi yang berkaitan dari dalam dan luar negeri yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan industri pembinaan.

Selain itu, galeri Jabatan Kemajuan Perumahan juga disediakan bagi kunjungan orang ramai yang mempamerkan mengenai pencapaian projek-projek perumahan dari tahun ke setahun sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 50-an sehingga sekarang.

Darah juga mengadakan Kempen Pendermaan Darah dan mengalu-alukan para pengunjung, orang ramai serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara bagi membantu menambah keperluan bekalan darah di Unit Tabung Simpanan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) terutama bagi keperluan pesakit yang menghidap penyakit kronik, kemalangan dan sebagainya.

Juga diadakan ialah persembahan 'Control and Restraint Technique-CNR' dari Unit Gerakan Khas Jabatan Penjara selain Pertunjukan Demonstrasi Sebat Rotan.

Turut diselitkan sempena ekspo tersebut termasuk beberapa persembahan kebudayaan dari Jabatan Penjara.

Jabatan Penjara akan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan keberkesanan program pemulihan selaras dengan hasrat dan harapan jabatan itu dalam visi dan misinya.

Ia juga sejajar dengan perancangan strategik 2005-2025 iaitu menyediakan secara berterusan program-program pembentukan dan pemulihan akhlak yang sempurna supaya penghuni insaf dan kembali ke pangkuan masyarakat dalam keadaan berilmu dan berakhlak.

CPR pertolongan awal semasa kecemasan

Oleh : Abu Bakar
Haji Abd. Rahman
Foto: Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norliha binti Dato Paduka Haji Abd. Jalil berkata, dengan mempelajari teknik CPR dan pertolongan cemas dapat membantu menyelamatkan nyawa keluarga semasa kecemasan.

Katanya, pertolongan awal adalah penting terutama bagi mangsa yang mengalami serangan jantung dan jantung berhenti.

Mempelajari teknik-teknik menyelamatkan nyawa dan perawatan awal adalah salah satu komponen penting dalam kehidupan seharian kerana kemalangan berlaku pada bila-bila masa tanpa mengenal masa dan usia.

Dr. Hajah Norliha mengungkapkan perkara tersebut pada Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Tenaga Pengajar Pusat Resusitasi Kebangsaan yang diadakan di salah sebuah hotel, di sini.

Menurut statistik yang diperolehi, jelasnya, sejumlah besar tenaga-tenaga pengajar ini adalah terdiri daripada guru-guru sekolah dan difahamkan beberapa buah sekolah telah mula membuat beberapa sesi perkongsian pengetahuan kepada rakan-rakan setugas dan seterusnya melartakan kepada penuntut-penuntut.

Jelasnya, di negara-negara maju di Eropah dan Asia mereka telah menerapkan pembelajaran mengenai

CPR dan pertolongan cemas ke sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi.

Malah sebagai contoh, katanya, di Jepun, memberi pembelajaran teknik CPR sebanyak tiga kali di sepanjang pengajian penuntut-penuntut sehingga mereka berusia 18 tahun kerana mereka berpendapat bahawa daya ingatan bagi seorang penuntut adalah lebih baik dan lama jika dibandingkan daripada orang dewasa.

Beliau berpendapat dengan adanya penyerapan ke sekolah-sekolah akan dapat membantu masyarakat di negara ini agar lebih peka dan mahir dari aspek menyelamatkan nyawa kerana jika dilihat nisbah penuntut kepada penduduk adalah 5 : 1.

Dalam hubungan ini juga beliau menyarankan agar semua tenaga pengajar akan sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan mengikuti perkembangan semasa.

Majlis tersebut merupakan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada tenaga-tenaga pengajar dan sebagai insentif di atas sumbangan khidmat yang diberikan oleh tenaga-tenaga pengajar tersebut secara sukarela untuk Kementerian Kesihatan dan warga Brunei amnya.

Sejak penubuhan Pusat Resusitasi pada tahun 1999 beberapa pencapaian diperolehi seperti mengendalikan Kursus Asas Pertolongan Kecemasan di kampung-kampung pedalaman.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norliha binti Dato Paduka Haji Abd. Jalil menyampaian Sijil Penghargaan kepada seorang Tenaga Pengajar Pusat Resusitasi Kebangsaan.

PDR terima sumbangan empat mesin *reprocessor*



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norliha binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menerima sumbangan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan BIBD, Awang Javed Ahmad bin Kamil Hasan.

RIMBA, Khamis, 28 Mac. - Pusat Dialisis Rimba (PDR) menerima empat buah mesin *reprocessor* sumbangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pada Majlis Kesyukuran Hari Buah Pinggang Sedunia berlangsung di Jalan Tungku Link, di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian

Kesihatan, Dr. Hajah Norliha binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil hadir selaku tetamu kehormat dan menerima sumbangan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan BIBD, Awang Javed Ahmad bin Kamil Hasan.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Perkhidmatan Renal, Hajah Roshima binti Haji Kamal dalam uca-

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

pan alu-aluannya berkata, sumbangan mesin tersebut amat dihargai kerana ia dapat membantu di dalam penjagaan rawatan pesakit dengan lebih efektif dan berkualiti.

Fungsi mesin tersebut jelasnya, untuk membersihkan buah pinggang palsu yang digunakan oleh pesakit hemodialisis selepas selesai rawatan, di samping fungsinya di dalam pengisian renalin yang bertindak sebagai bahan pensteril selepas buah pinggang palsu dibersihkan.

Alat yang dilengkapi dengan ciri keselamatan itu juga berfungsi bagi memastikan sekiranya buah pinggang palsu boleh diguna pakai semula atau sebaliknya, tambah.

Majlis itu diadakan sempena kejayaan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2013 yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Renal.

Inovatif, kerjasama demi cabaran masa depan



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu semasa pertukaran cenderamata dengan Pesuruhjaya PPS, Tuan Peter Ng Joo Hee.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - Mesyuarat Dua Hala Tahunan antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan Pasukan Polis Singapura (PPS) berakhir hari ini dengan Majlis Makan Malam Perpisahan berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya PPS, Tuan Peter Ng Joo Hee; Timbalan Pesuruhjaya Polis, DCP Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor, pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah serta pegawai-pegawai PDB.

Pada majlis itu, PPS diumumkan

kan sebagai juara keseluruhan bagi acara sukan Inter-Force Games yang bermula 28 Mac 2013.

Sebanyak enam acara sukan dipertandingkan iaitu Lumba Bot Tradisional, Bola Tampar Lelaki, Badminton, Golf, Bola Jaring Wanita dan Bola Sepak yang bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim membina rangkaian antara kedua-dua pasukan.

Inter-Force Games selama dua hari ini bersempena dengan Mesyuarat Dua Hala Tahunan yang diadakan pada 28 Mac lalu.

Melalui acara seumpama itu diharap agar kedua-dua pasukan akan terus menjadi inovatif dalam menjalankan usaha sama dan mencapai kerjasama yang baik dalam mengenal pasti bidang kepentingan bersama selain bersedia untuk cabaran masa depan.

IHP Februari 2013 turun 0.05 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mac. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Februari 2013 menurun kurang daripada 0.05 peratus berbanding Januari 2013.

Penurunan tersebut disebabkan antara lainnya penurunan bagi pakaian dan baju, fabrik pakaian dan kain, kasut, barang kemas dan barangan persendirian.

Sementara itu, peningkatan sebanyak 0.1 peratus dicatatkan bagi makanan dan minuman ringan berikutan peningkatan harga bagi ikan segar, udang dan makanan laut lain, produk tenusu, telur dan buah-buahan segar jenis tropika, di samping perhiasan, pekakas dan penyelenggaraan rutin isi rumah juga mencatatkan peningkatan disebabkan oleh kenaikan harga bagi perabot dan perhiasan dan tekstil.

Selain itu, peningkatan IHP sebanyak 0.6 peratus bagi Februari 2013 berbanding Februari tahun lalu adalah kerana sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan indeks makanan dan minuman ringan, rekreasi dan kebudayaan, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan bakar lain.

IHP adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu dan senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2013 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam dokumen tawaran : **PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE, BANDAR SERI BEGAWAN BS8610**, tidak lewat pada hari Selasa, 30 April 2013, jam 2.00 petang.

JDB/T/01/2013 - TAWARAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT BUS 16 SEATER.

JDB/T/02/2013 - TAWARAN MEMBEKAL DUA (2) UNIT KERETA 4WD.

JDB/T/03/2013 - TAWARAN MEMBEKAL SATU (1) DOUBLE CAB PICKUP LONG WHEELBASE 4WD.

JDB/T/04/2013 - TAWARAN MENAIKAN TARAF BAGI JALAN BUAU KE BATU 2, MUKIM SUKANG.

JDB/T/05/2013 - TAWARAN MENAIKAN TARAF BAGI JALAN RAPAI, MUKIM SUKANG.

JDB/T/06/2013 - TAWARAN MENAIKAN TARAF BAGI SIMPANG 1026, JALAN SG GANA, MUKIM LIANG.

JDB/T/07/2013 - TAWARAN MEMBAIKPULIH DAN MENGUBAH-SUAI BEKAS RUMAH KEDIAMAN RASMI DAERAH BELAIT DIJADIKAN GALERI RAKYAT DAERAH BELAIT (FASA KEDUA (2)).

JDB/T/08/2013 - TAWARAN MENGGANTI ATAP DEWAN SANTAP DAERAH BELAIT DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DI JALAN MAULANA, KUALA BELAIT.

JDB/T/09/2013 - TAWARAN MEMBAIKPULIH DAN MENGUBAH SUAI RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN NO. 83 JALAN MAULANA, DAERAH BELAIT.

2. Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam dua salinan dalam sampul surat yang tertutup dengan rapi (*sealed*) dan tulis dengan a) bilangan dan tajuk tawaran dan b) tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan identiti penawar / penender dan dihantar seperti alamat di para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

4. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan dokumen-dokumen tawaran (*specification*) bagi pekerja tersebut bolehlah diperolehi dari Jabatan Daerah Belait, Kuala Belait semasa waktu bekerja.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**DOKUMEN TAWARAN
JP/T2/2013-2014**

1. TAWARAN yang tertutup iaitu MEMBERSIHKAN BANGUNAN JABATAN PELABUHAN CAWANGAN KUALA BELAIT@KONTRAK PENGGAL DUA (2) TAHUN

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi:-

UNIT TAWARAN & SEBUT HARGA

TINGKAT 2, JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN MUARA BT 1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen tawaran dijual pada harga Sepuluh Ringgit Sahaja (\$10.00) tunai dan wang tersebut tidak dikembalikan.

Dokumen tawaran akan dikeluarkan pada 1 - 18 April 2013.

Hari Isnin hingga Khamis

8.00 pagi hingga 11.00 pagi &
1.30 petang hingga 2.30 petang
Hari Sabtu
8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

**MASA & TEMPAT PENGHANTARAN
DOKUMEN**

3. Dokumen tawaran mestilah dalam sampul tertutup, tidak mempunyai nama syarikat atau pun logo:-

a) MEMBERSIHKAN BANGUNAN JABATAN PELABUHAN CAWANGAN KUALA BELAIT@KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN tajuk tawaran perlulah tercatat di sebelah depan sampul sebelah atas;

b) Sampul tertutup tidak perlu mempunyai nama syarikat atau pun logo;
c) Sampul perlu ditujukan kepada alamat tersebut:-

**PENGERUSI,
LEMBAGA TAWARAN KECIL
(LTK),
TINGKAT 4,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN,
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TARIKH TUTUP
& PENGHANTARAN TAWARAN
30 APRIL 2013, JAM 2.00 PETANG**



**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

IKLAN SEBUT HARGA

**1. BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN/BPB/20/2013**

KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN BANGUNAN MAHKAMAH BESAR BRUNEI DAN SEKITAR BANGUNAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH BANDAR SERI BEGAWAN, BAGI TEMPOH 24 BULAN.

**Tarikh terakhir Mengambil Dokumen :
8 April 2013**

**Tarikh Tutup :
Hari Selasa, 16 April 2013**

**2. BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN/BPB/21/2013**

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN MAHKAMAH - MAHKAMAH DAERAH BELAIT, BAGI TEMPOH 12 BULAN

**Tarikh terakhir Mengambil Dokumen :
8 April 2013**

**Tarikh Tutup :
Hari Selasa, 16 April 2013**

Syarat-Syarat Sebut Harga :

1. Sebut Harga adalah dibukakan kepada pemborong/syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah.

2. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan hanya menyatakan tajuk Sebut Harga yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada :-

**Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga**

**Jabatan Kehakiman Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Pintu 'C', Tingkat 1**

**Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah
Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan
BS8610, Negara Brunei Darussalam**

3. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 16 April 2013.

4. Yuran Sebut Harga adalah **\$5.00 (Lima Ringgit Brunei Sahaja)** bagi setiap Sebut Harga dan tidak akan dikembalikan kepada pemborong / syarikat sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar Sebut Harga yang sah (*bon-finde quotation*).

5. Yuran Sebut Harga boleh dibayar melalui Kaunter Bahagian Kutipan Hasil di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan pada hari dan waktu yang dinyatakan di bawah :

**Isnin - Khamis :
8.00 pagi - 12.00 tengah hari
2.00 petang - 3.15 petang
Sabtu : 8.00 pagi - 10.30 pagi**

6. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan**

mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan, BS8610 Negara Brunei Darussalam dengan membawa resit bayaran bagi yuran Sebut Harga berkenaan.

7. Pemborong/Syarikat yang ikut serta dikehendaki menghantar dokumen Sebut Harga dalam **dua (2) salinan** berserta dengan keterangan yang berkaitan dengan sebutharga dan salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta -Akta Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Name Act) mestilah disertakan.

8. Sebut Harga-Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan diatas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat atau menerima Sebut Harga yang terendah atau lain-lain Sebut Harga yang tidak perpatutan.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut mengenai Sebut Harga ini bolehlah berhubung terus Haji Omar bin Haji Mohd. Daud, Bahagian Pengurusan Bangunan Jabatan Kehakiman Negara melalui telefon 81442859.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PROJECT :
SUPPLY AND DELIVER 2 (TWO) UNITS FORWARD COMMAND POST (FCP) VEHICLES FOR FIRE AND RECUE DEPARTMENT
KOD PROJEK :
BFRD/LTK/09/2012/2013
TENDER FEE : \$50.00**

Syarat-Syarat Tawaran :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Tingkat 1, Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam**

b. Tawaran mestilah dihantar dalam **satu (1)** salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti **nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan lembaga.**

c. Tarikh tutup tawaran bagi projek berkenaan adalah pada **hari Selasa, 2 April 2013, tidak lewat jam 2.00 petang**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

d. Dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

i. Pembayaran - Bahagian Kewangan Tingkat Bawah (Ground Floor).

ii. Pengambilan Dokumen - Ofis Pentadbiran Pengarah Tingkat 2 (2nd Floor).

iii. Pembayaran dan pengambilan dokumen ialah pada hari-hari bekerja

sahaja.

e. Pembayaran Tender Fee mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan (*Not Refundable*).

f. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.

g. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.


KEMENTERIAN KESIHATAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari Rabu 6 Mac 2013. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang, hari Selasa pada 2 April 2013**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN – KHAMIS
8.00 PAGI – 11.00 PAGI
2.00 PETANG – 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI – 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan

(Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act' (Cap. 114).
• Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja - kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispuandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN BIASA

**BIL TAWARAN : KK/01/2013(TUT)(SE)
KETERANGAN : SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
COMMISSIONING OF ONE (1) UNIT
CARDIOPULMONARY STRESS TEST
SYSTEM FOR PMMPMHAMB
HOSPITAL, TUTONG
YURAN TAWARAN : \$10.00
TARIKH TUTUP Tidak lewat
Jam 2.00 petang, 2/04/2013**

**BIL TAWARAN : KK/02/2013(TUT)(SE)
KETERANGAN : SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
COMMISSIONING OF ONE (1) UNIT
MULTI-SPOT PATTERN SCANNING
LASER PHOTOCOAGULATOR FO
R OPHTHALMOLOGY DEPARTMENT
PMMPMHAMB HOSPITAL, TUTONG**


KEMENTERIAN KESIHATAN

PROPOSED REPAIR WORKS TO CONDENSATION IS SUES AT OFFICER ACCOMMODATION FOR SIX (06) UNITS AT BERAKAS GARRISON

Bayaran Tawaran :

BS\$30.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas: IV & KE ATAS

Kategori: M01

Tempoh Penyiapan: TIGA (03) BULAN

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pukul 2.00 petang, hari Selasa, 9 April 2013.**

Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa **hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat), Tarikh Terakhir mengambil dokumen tawaran pada 5 April 2013 hari Selasa pukul 3.30 petang.**

b. Bayaran Tawaran, Tender Fee dan Dokumen Fee hendaklah dibayar di **Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN

ISNIN - KHAMIS :

8.00 pagi - 3.00 petang

JUMAAT :

8.00 - 10.30 pagi

2.00 - 3.00 petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang

tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon-fide tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bonfide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan Rujukan dan Tajuk Tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.

j. Pembekal kelas rendah yang berkeinginan untuk ikut serta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dengan memohon secara bertulis kealamat Pengarah Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan kerja, Tingkat 1, Block D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam. Permohonan tersebut hendaklah dihantar dan diterima oleh Jabatan tidak lewat satu minggu dari tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran.


JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**BAHAGIAN 1
DOKUMEN TAWARAN**

- TAWARAN yang tertutup iaitu **MEMBERSIHKAN BANGUNAN JABATAN PELABUHAN CAWANGAN KUALA BELAIT @ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN**
- Dokumen tawaran boleh di perolehi:-
UNIT TAWARAN & SEBUT HARGA TINGKAT 2

**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
MUARA BT 1728**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen tawaran dijual pada harga **Ringgit Brunei Sepuluh (\$10.00) tunai** dan wang tersebut tidak di kembalikan.
Dokumen tawaran akan dikeluarkan pada **1 - 18 APRIL 2013, HARI ISNIN HINGGA KHAMIS - 8.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI & 1.30 PETANG HINGGA 2.30**

PETANG DAN HARI SABTU - 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI.
**MASA & TEMPAT PENGHANTARAN
DOKUMEN**

3. Dokumen tawaran mestilah dalam sampul tertutup, tidak mempunyai nama syarikat atau pun logo: -

- MEMBERSIHKAN BANGUNAN JABATAN PELABUHAN CAWANGAN KUALA BELAIT @ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN** tajuk tawaran perlulah tercatit di sebelah depan sampul sebelah atas;
- Sampul tertutup tidak perlu mempunyai

nama syarikat atau pun logo;

c) Sampul perlu di tujukan kepada alamat tersebut: -

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)
TINGKAT 4,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**TARIKH TUTUP & PENGHANTARAN
TAWARAN**
30 APRIL 2013, JAM 2.00 PETANG

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JUALAN HARTA BENDA KERAJAAN
1. SEBUT HARGA BAGI 10 UNIT PERALATAN KOMPUTER

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH	LOKASI DAN MASA MELIHAT	CAJ BORANG
1	IBM Monitor	3 unit	Jabatan Pengangkutan Darat, Kuala Belait	\$2.00
2	Acer Monitor	1 unit		
3	HP Monitor	2 unit		
4	IBM Computer	1 unit		
5	HP II 80C Printer	1 unit		
6	IBM Keyboard	1 unit		
7	Acer Keyboard	1 unit		

BIL.	KETERANGAN HARTA BENDA	JUMLAH	LOKASI DAN MASA MELIHAT	CAJ BORANG
1	Kerusi	34 unit	Pejabat Lama, Jabatan Pengangkutan Darat, Waktu Pejabat	\$2.00
2	Meja	5 unit		

Tempat mengambil dan mengembalikan borang:
Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Beribi, Gadong

Tarikh terakhir mengambil borang pada:
**Hari Sabtu, 13 April 2013,
sebelum jam 11.30 pagi**
**Tarikh Tutup menghantar borang
sebut harga pada:**
Hari Isnin, 15 April 2013 jam 9.00 pagi

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan harta benda akan disertakan dengan borang sebut harga tersebut.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :**

**IV, V & VI SAHAJA
KATEGORI : S03 SAHAJA**
Hingga jam 2.30 petang, hari Selasa,
26 Mac 2012

Tarikh Tutup : 9 April 2013

BIL : JKR/DWS/011/2013

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
MEMBAIK PULIH DAN MEMINDAH
KEDUDUKAN METER AIR
PELANGGAN
DI DAERAH BRUNEI MUARA
YURAN TAWARAN :\$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

JUMLAH YURAN : 500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :**

**III, IV, & V SAHAJA
KATEGORI : S03 SAHAJA**
Hingga jam 2.30 petang, hari Selasa,
26 Mac 2012

Tarikh Tutup : 9 April 2013

BIL : JKR/DWS/012/2013

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA MEMBACA DAN
MENYIASAT METER AIR DI DAERAH
BRUNEI BRUNEI DARUSSALAM
BAGI 2 TAHUN

YURAN TAWARAN :\$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

JUMLAH YURAN : 500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG**

**YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
IV (III, IV & V) KATEGORI :
KA01 ATAU M03 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil Dokumen
Tawaran pada : Hari Sabtu 6 April 2013
Tarikh Tutup : Hari Selasa, (2.00 petang)
16 April 2013

BIL TAWARAN :
JKR/DDS 003/2013 - (SEW).T. IV

TAJUK PROJEK :
KERJA-KERJA PEMULIHAN PAIP
'ASBESTOS CEMENT'
PEMBENTUNGAN LAMA DI JALAN
KUMBANG PASANG DAN JALAN
BERAKAS DENGAN MENGGUNAKAN
KAEDAH 'CURE IN PLACE
PIPE (CIPP) LINING'
PROJEK : 12/DDS(SEW)/B00410
YURAN TAWARAN : 125.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN DOKUMEN: \$125.00

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONGPEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV
& V DI BAWAH
KATEGORI KA 01 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen
tawaran : Hari Selasa, 26 Mac 2013

Tarikh tutup pada :
Hari Selasa, 9 April 2012,
jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR/DBSTUT 001/2013

Tajuk Projek :
MENAIK TARAF DAN PENGGANTIAN
PAIP AIR MENYEBERANG
SUNGAI DAERAH TUTONG

Nombor Projek :
2013/TUT/B00410-01

Yuran Tawaran :
\$100.00 (Tidak dikebalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONGPEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV
& V DI BAWAH KATEGORI
KA 01 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen
tawaran : Hari Selasa, 26 Mac 2013

Tarikh tutup pada :
Hari Selasa, 9 April 2013,
jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR/DBSTUT 002/2013

Tajuk Projek :
MENAikkan TARAF DAN
PENGGANTIAN PAIP SEDIA ADA DAN
PEMASANGAN PAIP AIR BARU JENIS
'MDPE' PEMBAHAGIAN UNTUK
ORANG AWAM DI DAERAH TUTONG

Nombor Projek :
2013/TUT/B00410-02

Yuran Tawaran :
\$100.00 (Tidak dikebalikan)

**OPEN TO ALL CONTRACTORS
REGISTERED UNDER
CLASS : 'IV' ONLY**

**CATEGORY :
(KA01 ONLY) - (NEW CODE)**

**DATE OF COLLECTING
TENDER DOCUMENT :**

**13 MARCH 2013
LAST DATE OF COLLECTING
TENDER DOCUMENT :**

**BEFORE 2.30 AFTERNOON,
TUESDAY, 26 MARCH 2013**

**CLOSING DATE :
BEFORE 2.00 AFTERNOON,
TUESDAY, 9 APRIL 2013**

**TENDER NO : JKR/DOD/2/2013
NAME OF PROJECT :**

**PEMBANGUNAN TAMAN NEGARA DI
ULU TEMBURONG PERINGKAT II -
MEMBAIK PULIH JAMBATAN
GANTONG - RE-TENDER
OIC :**

**HAJI JAMIL BIN HAJI TALIP
TOTAL TENDER FEE :
\$100.00 (NON REFUNDABLE)
E-DOCUMENT : NIL**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam** (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari **Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS IV & V SAHAJA
KATEGORI :**

**(1 SAHAJA) - (KOD LAMA)
(KA01 SAHAJA) - (KOD BARU)**

**TARIKH MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**

27 MAC 2013

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**

**TIDAK LEWAT DARI PUKUL 2.30
PETANG,**

HARI SELASA, 16 APRIL 2013

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
TIDAK LEWAT
DARI PUKUL 2.00
PETANG,**

HARI SELASA, 23 APRIL 2013

BIL : JKR/DOR/SRM 11/2013

NAMA PROJEK :

PEMBEKALAN 'SHEET PILES'

JUMLAH YURAN TAWARAN :

BND50.00

**(LIMA PULUH SAHAJA &
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN: NIL**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS VI DI BAWAH KATEGORI B01
SAHAJA**

**TARIKH TUTUP : 16 April 2013
(Selasa) hingga jam :2.00 petang
JKR/DTS/04/SAR/2013-T/VI
DOKUMEN PRA-KELAYAKAN
'DESIGN AND BUILD' BAGI PROJEK
PROGRAM KHIDMAT BAKTI
NEGARA, KAPUNG BATU APOI,
MUKIM PUNI, TEMBURONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NO. PROJEK:
JKR/DTS/USK/RKN/12/2013
JUMLAH YURAN TAWARAN dan
e-DOKUMEN**

TIDAK DIKEMBALIKAN: -

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM KELAS VI
(V & VI) KATEGORI KA01 SAHAJA**

TARIKH AKHIR MENGAMBIL

DOKUMEN TAWARAN :

HARI SABTU 13 APRIL 2013

TARIKH TUTUP:

HARI SELASA (2.00 PETANG)

23 APRIL 2013

BILANGAN TAWARAN :

JKR/DDS 004/2013-(CDE).T.VI

**TAJUK PROJEK : SKIM PENCEGAHAN
BANJIR SUBOK BELIMBING-
PERINGKAT 4**

NOMBOR PROJEK:

12/DDS(CDE)/1031-026

YURAN TAWARAN :\$1,000.00

(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E-DOKUMEN: \$5.00

**OPEN TO ALL CONTRACTORS
REGISTERED UNDER
CLASS : 'III' , 'IV' & 'V' ONLY
CATEGORY :**

(KA01 ONLY) - (NEW CODE)

**DATE OF COLLECTING
TENDER DOCUMENT :**

27 MARCH 2013

**LAST DATE OF COLLECTING
TENDER DOCUMENT :**

**BEFORE 2.30 AFTERNOON,
TUESDAY, 9 APRIL 2013**

CLOSING DATE :

**BEFORE 2.00 AFTERNOON,
TUESDAY, 23 APRIL 2013**

TENDER NO : JKR/DOD/4/2013

**NAME OF PROJECT :
SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI
KAMPUNG LUGU: KERJA-KERJA
INFRASTRUKTUR AND PERUMAHAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI
KAMPUNG LUGU
(BALANCE WORKS)**

OIC :

LIM SU CHIN

TOTAL TENDER FEE :

\$100.00 (NON REFUNDABLE)

E-DOCUMENT : NIL

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam** (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari **Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



PERADUAN MENULIS KARANGAN, CERPEN, DAN RENCANA UMUM 2013
ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

(Tarikh Tutup: Sabtu, 31 Ogos 2013, 4.00 petang)

PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH MEKAR

UNTUK SIAPA? PELAJAR-PELAJAR TAHUN 4 HINGGA TAHUN 6.

Hadiah

Pemenang Pertama	\$ 300.00
Pemenang Kedua	\$ 250.00
Pemenang Ketiga	\$ 200.00
Lima Sagu Hati	\$ 75.00



PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH JUARA PELAJAR

A) UNTUK SIAPA? PELAJAR-PELAJAR TAHUN 7 HINGGA TAHUN 9.

Hadiah

Pemenang Pertama	\$ 400.00
Pemenang Kedua	\$ 350.00
Pemenang Ketiga	\$ 300.00
Lima Sagu Hati	\$ 100.00

B) UNTUK SIAPA? PELAJAR-PELAJAR TAHUN 10 HINGGA TAHUN 11 DAN REMAJA YANG BERUMUR 15 HINGGA 18 TAHUN.

Hadiah

Pemenang Pertama	\$ 500.00
Pemenang Kedua	\$ 450.00
Pemenang Ketiga	\$ 400.00
Lima Sagu Hati	\$ 150.00



PERADUAN MENULIS CERPEN HADIAH KREATIF BAHANA DBP-BSP 2013

UNTUK SIAPA? PENCINTA SASTERA DAN ORANG RAMAI YANG BERUMUR 17 TAHUN DAN KE ATAS.

Hadiah

Penghormatan Pertama	\$ 1,200.00
Penghormatan Kedua	\$ 1,000.00
Penghormatan Ketiga	\$ 800.00
Lima Hadiah Penghargaan	\$ 400.00

PERADUAN MENULIS RENCANA UMUM 2013

UNTUK SIAPA? PARA PELAJAR DI PERINGKAT PRAUNIVERSITI, MAHASISWA DAN MAHASISWI, GURU-GURU, DAN ORANG RAMAI YANG BERUMUR 17 TAHUN DAN KE ATAS.

Hadiah

Penghormatan Pertama	\$ 2,000.00
Penghormatan Kedua	\$ 1,500.00
Penghormatan Ketiga	\$ 1,000.00
Tiga Hadiah Penghargaan	\$ 500.00



Berminat?

Dapatkan borang penyertaan dalam majalah Mekar, Juara Pelajar, Bahana, dan Beriga.
Keterangan Lanjut, sila hubungi:

Urus Setia Peraduan Menulis Karangan, Cerpen, dan Rencana Umum
Bahagian Perancangan Majalah dan Jurnal
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Telefon: 2382511 sambungan 139, 140, 141, 143, 144, 148, 162, dan 221.
Faks: 2381817

Jabatan Penjara bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh: Abu Bakar Hj Abd Rahman
Foto: Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Jabatan Penjara mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis tersebut diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara Ke-59.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Jumat bin Akim yang juga Ketua Kampung Putat;

Pemangku Pengarah Penjara, Haji Ismail bin Haji Murat serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara.

Bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil dipimpin oleh Pegawai Penjara, Awang Sabtu bin Haji Abd. Ghani.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim yang juga selaku Ketua Kampung Putat hadir pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan Datin selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan derma kepada anak-anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei yang diraikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mac. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) buat julung-julung kalinya mengadakan Majlis Hari Keluarga Sentuhan Kasih PEKERTI

khusus kepada anak-anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis Gadong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Yang

Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu yang juga selaku Penasihat PEKERTI dan Isteri, Datin Hajah Kamariah binti Orang Kaya Indera Per-

Keprihatinan PEKERTI terhadap anak yatim

Oleh: Aimi Sani
Foto: Haji Ariffin Md. Noor

kasa Haji Shari selaku Yang Dipertua PEKERTI.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor dan Isteri, Datin Rosminah binti Haji Abdul Hamid; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai, anggota-anggota PDB dan ahli-ahli PEKERTI yang terdiri daripada anggota polis wanita dan isteri-isteri anggota polis.

Pengerusi PEKERTI, Datin Rosminah binti Haji Abdul Hamid dalam alu-aluannya

berkata, Tabung Anak-Anak Yatim PEKERTI ditubuhkan dengan hasrat menjaga kebajikan anak-anak kepada anggota-anggota PDB yang telah meninggal dunia.

Ini jelasnya, selaras dengan objektif PEKERTI bagi mengeratkan perasaan muhibah dan silaturahim di kalangan ahli-ahli perkumpulan tanpa mengira agama, bangsa, puak dan kedudukan.

“Sesuai dengan objektifnya, penyampaian derma kali ini adalah dihasratkan untuk meringankan beban ibu-ibu

tunggal dan penjaga-penjaga anak-anak yatim berkenaan,” tambahnya.

Majlis diteruskan dengan penyerahan derma kepada 110 anak yatim PDB hasil sumbangan Tabung Anak-Anak Yatim PEKERTI serta bank-bank, syarikat-syarikat niaga dan juga orang perseorangan.

Tabung Anak-Anak Yatim PEKERTI ditubuhkan pada tahun 2007 dan dana kewangan tabung berkenaan diperolehi sumbangan dari pegawai-pegawai dan ahli-ahli PDB sendiri.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengenang jasa bakti dan sumbangan Allahyarham bapa-bapa mereka yang telah meninggal dunia sepanjang perkhidmatan mereka dalam PDB.

Ubat-ubatan tradisional dicemari bahan racun

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan beberapa ubat-ubatan tradisional yang telah diuji dan didapati dicemari dengan bahan racun berjadual dan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Sampel produk-produk berkenaan telah diperolehi dari aktiviti pemantauan dalam pasaran di kedai-kedai runcit yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi.

Nama produk tersebut ialah ZAM-ZAM untuk Pria dan Wanita keluaran PJ ZAM-ZAM, Indonesia telah didapati dicemari dengan Phenylbutazone, Ibuprofen dan Paracetamol dan Obat Sakit Gigi - OBSAGi keluaran BPS SOLO - Indonesia didapati dicemari dengan Yellow Tablet: Chlorpheniramine, Blue Tablet: Paracetamol dan White Tablet: Decamethasone.

Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa ubat-ubatan tradisional yang disenaraikan di bawah telah ditarik balik dari pasaran oleh pihak berkuasa di negara jiran kerana telah didapati dicemari dengan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Produk tersebut ialah Ginseng Baji Gu Ci Wan ke-

luaran Yuzun Pharmaceutical, Penang, Malaysia dicemari dengan Dezamethasone dan Chlorpheniramine, Tu Chong Ginseng Wan Le Seang dicemari dengan Dexamethasone dan Chlorpheniramine dan X-Trace Nature dicemari Prednisone, Phenylbutazone, Chlorpheniramine dan Paracetamol. Bahan-bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan buruk yang membahayakan kesihatan.

Penggunaan Phenylbutazone dan Ibuprofen tanpa pengawasan boleh menyebabkan ulser peptic, pendarahan gastri-usus, loya, muntah-muntah, ruam kulit, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning dan kegagalan buah pinggang.

Phenylbutazone juga sering dikaitkan dengan kesan sampingan yang teruk seperti penyakit darah yang serius.

Paracetamol boleh diambil untuk rawatan sendiri (*self-medication*) tetapi apabila perubatan tradisional tidak diisytiharkan mengandungi Paracetamol, pengambilannya yang berlebihan tanpa disedari boleh membawa kepada kerosakan hati, kegagalan buah pinggang, koma dan akhirnya kematian.

Pening, tekanan darah menurun, denyutan jantung yang tidak menentu, kekeliruan, kemurungan dan sawan adalah antara kesan-kesan

advers yang boleh terhasil dari penggunaan Chlorpheniramine tanpa pengawasan.

Penggunaan Kortikosteroid Dexamethasone dan Prednisone secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan pada paras glukosa dalam darah yang mengakibatkan kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang, serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Penggunaan Kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan Cushing's Syndrome yang dicirikan dengan muka bulat atau *moon face*, serta kegemukan pada bahagian badan dengan anggota kaki dan tangan yang kecil.

Pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah rendah, tekanan darah rendah dan dehidrasi.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan penjualan produk-produk tersebut dan berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang menjual produk-produk tersebut adalah

diingatkan bahawa adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 yang mana menjual produk-produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah akta berkenaan akan dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara selama enam (6) bulan, jika didapati bersalah.

Jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau boleh membahayakan kehidupan manusia, jika didapati bersalah akan didenda sebanyak BND16,000 dan dua belas (12) bulan penjara.

Para pengguna yang menggunakan mana-mana produk tersebut adalah dinasihatkan untuk berhenti menggunakannya dengan serta-merta dan jika mereka mengalami kesan buruk atau merasa tidak sihat, hendaklah berjumpa dengan doktor dengan segera.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi jika mendapati mana-mana produk yang disebutkan di atas masih dipasarkan di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di talian 2230036 atau di unit 2G8:04, Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping.

Bengkel Bacaan Surah Al Faatihah terbuka kepada orang ramai

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kelas Dewasa Ugama Al-Quran Aflahal Mukminin akan menganjurkan Bengkel Bacaan Surah Al Faatihah tahun 1434H/2013M terbuka kepada orang ramai seluruh Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2013.

Tujuan bengkel tersebut ialah untuk memberikan pendedahan yang lebih jauh lagi kepada para peserta khususnya dalam bidang pembacaan Surah Al Faatihah dan sebagai projek tahunan Kelas Dewasa Ugama Al-Quran Aflahal Mukminin.

Penyertaan terbuka kepada penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam lelaki dan perempuan berumur 18 tahun ke atas dengan bayaran sebanyak BND20 seorang dibayar secara tunai.

Bengkel tersebut akan diadakan pada 7, 14, 21 dan 28 April 2013 setiap hari Ahad, di Sekolah Ugama Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Berakas bermula pukul 8.00 hingga 10.00 pagi (penyertaan tidak terhad).

Para peserta yang menamatkan bengkel yang akan dikendalikan oleh Mudim Awang Haji Metassin bin Haji Metusin itu akan diberikan sijil penyertaan.

Pihak penganjur tidak akan menyediakan kenderaan kepada para peserta, tetapi jamuan selepas bengkel akan disediakan.

Semasa menghadiri bengkel tersebut, para peserta lelaki dikehendaki memakai baju Cara Melayu dan perempuan Baju Kurung.

Borang-borang boleh didapati daripada Pewira Diraja Haji Abd. Hamid bin Haji Md. Salleh di talian 8147767, Haji Hamidon bin Haji Idris di talian 8660183, Haji Bakar bin Jeluddin di talian 8870821, Hajah Maimunah binti Haji Kassim, Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkliah Kampung Kiulap (Tarikh tutup pengembalian borang pada 30 Mac 2013).

Berkenan saksikan Perlawananan Bola Sepak di antara DPMM FC - Woodlands Wellington FC



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim juga berkenan menyaksikan perlawanan antara Pasukan DPMM FC menentang Pasukan Woodlands Wellington FC.

Dari muka 1

Juga berangkat menyaksikan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul 'Aleem berserta ahli kerabat diraja yang lain.

Penguasaan permainan pasukan tuan rumah pada separuh masa pertama berakhir dengan perbezaan jurang apabila Joao Moreira menjaringkan gol tunggal tersebut pada minit ke-29 selepas bersusah payah menumpaskan pertahanan lawan

yang sering membayangnya namun dengan hanya sedikit mengunjurkan kaki ke hadapan beliau berjaya untuk membuat sepakan keramat tersebut untuk mengelirukan penjaga gol Woodlands Wellington FC, Ahmadulhaq Che Omar.

Namun sebelumnya pasukan tuan rumah hampir menjaringkan gol, tandukan Joao Moreira kurang sempurna dilakukan selepas menerima hantaran Shahrzeen Said pada saat perlawanan memasuki minit ke-6.

Dengan merubah momentum perlawanan separuh masa kedua pasukan lawan mengganggikan pemain simpanan Moon Soonho dan Faizal Basri di bahagian jentera hadapan dan keadaan ini cukup membuat pertahanan pasukan Brunei DPMM FC sedikit gusar namun

keadaan-keadaan terdesak sering kali dipatahkan oleh Dino Drpic.

Kedudukan tidak berubah hingga penghujung walaupun pada saat akhir kedua-dua pasukan cuba merubah kedudukan yang ada.

Dengan kemenangan ini pasukan Brunei DPMM FC masih mempunyai satu kelebihan perlawanan dari pasukan yang lain sekalipun pada masa ini tangga teratas liga masih dikuasai oleh pasukan Tampines Rovers FC yang setakat ini memenangi kesemua enam perlawanan dengan mengutip 18 mata.

Perlawanan seterusnya bagi pasukan Brunei DPMM FC ialah pada 3 April akan datang di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dengan menentang Geylang International FC.



ANTARA aksi menarik pemain DPMM FC dan Pasukan Woodlands Wellington FC.

PSM3 sediakan pelbagai acara

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

MUARA, Jumaat, 29 Mac. - Pantai Muara akan menjadi tumpuan orang ramai sempena acara Pesta Santai Muara (PSM3) selama tiga hari anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Sabun dan Pelumpong buat kali ketiga.

Pelbagai acara berbentuk hiburan, cabutan tiket bertuah, perlumbaan Piala Cabaran Brunei 2013 kereta kawalan jauh pacuan empat roda, pameran motosikal berkuasa tinggi dari Bersatu Bikers Club dan pelbagai permainan kanak-kanak.

Juga diadakan pada PSM3 itu ialah perlumbaan *basikal gunung* di pantai, tarik kalat, membaling kelapa, peraduan kikik (layang-layang), pertandingan fotografi dan mencari harta karun pantai.

Perasmian PSM3 di Pantai Muara disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dengan memotong reben perasmian.

Pesta itu berakhir pada 31 Mac dengan majlis penyampaian tiket bertuah yang menawarkan iPad 4 Generasi Baru kepada mana-mana pengunjung yang membeli tiket permainan bagi menyertai beberapa kegiatan sebagai hadiah utama.

Untuk memudahkan para pengun-



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah merasmikan Pesta Santai Muara (PSM3).

jung, pihak jawatankuasa telah menyediakan perkhidmatan bas ulang alik di Pelabuhan Muara dan Pusat Kesihatan Muara, selain beberapa kupon letak kereta juga dikeluarkan tetapi jumlahnya terhad.

Terdahulu tetamu kehormat melancarkan ekspedisi basikal amal sempena pesta itu yang disertai lebih 60 peserta terdiri peminat sukan basikal dan jawatankuasa serta ahli keluarga.

Menurut jawatankuasa penganjur, pesta santai antara lain bertujuan menjadikan Pantai Muara sebagai tarikan utama bagi para pelancong dalam dan luar negeri untuk menikmati keindahan alam semula jadi, selain sebagai kegiatan MPK Masjid Lama, Sabun

dan Pelumpong menjadikan satu kampung satu produk yang berbentuk acara pelancongan domestik.

Wang hasil daripada penyertaan sukan hiburan, sewa gerai dan khemah jualan serta bayaran masuk permainan akan disumbangkan kepada Dana Anak-Anak Yatim Kampung Masjid Lama, Sabun dan Pelumpong.

PSM3 tahun ini bertemakan 'Keluargaku Love Pantaiku' yang membawa maksud untuk meningkatkan kesedaran khalayak ramai mengenai pentingnya hubungan sesebuah keluarga dan sama-sama bertanggungjawab untuk memelihara keindahan pantai dan kemudahan yang disediakan.

Walkaton Amal bagi Tabung Kemanusiaan Gaza, Palestin dan Bopha, Filipina

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Md. Noor

BERAKAS, Rabu, 27 Mac. - Usaha mengutip derma berbentuk kewangan bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Penduduk Gaza, Palestin dan Mangsa Bopha, Filipina terus saja dijalankan.

Sehubungan itu, ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, Kementerian Pertahanan dan Bolkiah Garison mengadakan Walkaton Amal bagi mengisi kedua-dua tabung tersebut.

Ia bermula dengan senamrobik di Stadium Mini Kementerian Pertahanan di sini yang disertai

sama oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Kira-kira 250 peserta lelaki dan 250 wanita menyertai walkaton tersebut dengan peserta lelaki berjalan sejauh 5.2 kilometer, manakala hanya 2.8 kilometer bagi peserta wanita.

Antara yang menyertai ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan tentera dan awam.



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Mohd. Tawih bin Abdullah semasa memulakan acara walkaton bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Penduduk Gaza, Palestin dan Mangsa Bopha, Filipina.

Berkenan berangkat hadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis

Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan, berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke mesyuarat berkenaan adalah selaku wakil BDNOC.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Mesyuarat diadakan untuk menilai pencalonan atlet-atlet yang telah dihadapkan oleh Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan bagi penyertaan

ke Kejohanan Perpaduan Islam Ke-3 (3rd Islamic Solidarity Games) di Pekan Batu, Riau, Republik Indonesia pada 6 hingga 17 Jun 2013; Kejohanan Tertutup Asia dan Seni Mempertahankan Diri Ke-4 (4th Asian Indoor and Martial Arts Games) 2013 di Incheon, Republik Korea pada 29 Jun hingga 6 Julai 2013; dan Kejohanan Belia Asia Ke-2 di Nanjing, China pada 16 hingga 24 Ogos 2013.

Turut hadir bagi menyertai mesyuarat berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan yang lain.

Sebanyak 606 soalan, cadangan dikemukakan sepanjang Permesyuaratan MMN



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Dari muka 1

Yang Berhormat menyentuh mengenai kebanyakan soalan-soalan serta cadangan yang berulang-ulang, dan pernah dibangkitkan dalam persidangan sebelumnya sepatutnya Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sekurang-kurangnya mengingatkan kepada pihak kerajaan supaya meningkatkan pemberian perkhidmatan yang ada.

"Selain itu, dan lebih penting lagi ialah ia mencerminkan mengenai komitmen dan prihatin Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang memerlukan perhatian di kawasan-kawasan

yang tertentu. Malah ada di antara cadangan tersebut dikuatkan pula dengan pandangan bagaimana kemudahan yang diadakan itu nanti boleh memajukan kawasan masing-masing dan langkah-langkah mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyarankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya akan menulis terus kepada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet untuk mendapatkan penjelasan atau penerangan mengenai perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lebih terperinci dengan memberikan salinan persuratan kepada Jurutulis.

Yang Berhormat menambah, usaha untuk mendapatkan penjelasan atau penerangan itu tidak seharusnya menunggu mesyuarat tahun depan.

Dialog-dialog dan permuzakaran dengan dengan kementerian-kementerian, kata Yang Berhormat, sesuai lah diteruskan dari semasa ke semasa.

Selain itu, Yang Berhormat mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya akan dapat meluangkan masa melawat ke tapak-tapak Projek Rancangan Kemajuan Negara untuk melihat sendiri kemajuannya dan sekali gus menilai perkembangan pelaksanaan projek-projek tersebut. Dengan cara ini, barulah persidangan ini akan ada kesinambungan dan perbincangan dalam majlis ini ada kesannya..

Persekitaran ceria bantu perkembangan *Down Syndrome*

Dari muka 1

"Apa yang juga mustahak untuk diambil perhatian bersama supaya mereka ini tidak diabaikan tetapi perlu dipastikan sentiasa mempunyai tahap perubatan dan penjagaan kesihatan yang optima seperti mana yang dinikmati oleh kanak-kanak yang lain," jelasnya.

Mereka ini, tambahnya, hendaklah diberikan peluang untuk menjalani pembelajaran secara inklusif yang mana kemudahan ini juga diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan bagi memenuhi keperluan mereka.

"Para ibu bapa harus bekerjasama dan berhubung rapat dengan pihak sekolah agar kanak-kanak ini dapat memanfaatkan perkhidmatan dan pembelajaran yang disediakan dengan sebaik-baiknya," serunya.

Dengan cara demikian, menurutnya, kanak-kanak tersebut dapat dibantu, disokong dan dikembangkan dengan sebaik-baiknya sejak lahir sehinggalah mereka menempuh zaman persekolahan, zaman belia dan kedewasaan.

"Kita hendaklah bersama-sama mengenal pasti akan kebolehan atau kemahiran bantu diri, berkomunikasi dan sebagainya untuk ditunjuk ajar, dibimbing, disokong dan dikembangkan," katanya.

Pada masa yang sama, jelasnya, memberikan semangat sejak awal lagi bagi membolehkan mereka mempunyai keyakinan diri dan seterusnya secara berperingkat-peringkat dapat membentuk kebolehan dan bakat (*talent*) mereka untuk berdikari mengikut kemampuan mereka pada masa akan datang.

"Kita semua menyedari bahawa menjaga dan mendidik anak *Down Syndrome* bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya memerlukan ciri-ciri kasih sayang, kesabaran, ketabahan, pengorbanan, sokongan, komitmen dan kerjasama di pelbagai pihak yang tertentu khususnya di kalangan ibu bapa atau penjaga, kaum keluarga, saudara mara, agensi-agensi kerajaan yang relevan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) dan semua lapisan masyarakat," katanya.

Seterusnya masyarakat di sekeliling, ujar Yang Berhormat, turut sama-sama membantu, menyokong dan memastikan agar setiap individu *Down Syndrome* dapat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof merasmikan hari 'Gembira Bersama Kami' sempena 'World Down Syndrome Day'.

mengecapi kehidupan yang bahagia, bermakna, produktif serta dihargai sekali gus mempunyai *sense of belonging* dalam masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya sambutan itu, katanya, akan meningkatkan keprihatinan dan kesedaran masyarakat di negara ini untuk membantu dan memberikan sokongan kepada individu *Down Syndrome* dan keluarga mereka untuk perkembangan dan pencapaian mengikut keupayaan dalam sepanjang kehidupan mereka.

'SELAMAT MENYAMBUT HARI PENERANGAN KE-61, 2013'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.